



LAPORAN LIPUTAN MEDIA HARIAN ISNIN 20 SEPTEMBER 2021

BIL	TAJUK KERATAN AKHBAR	KEMENTERIAN / JABATAN / AGENSI
1. 2. 3. 4. 5. 6. 7. 8. 9. 10.	PROGRAM AIVAC DI CAMERON HIGHLANDS : 17,000 VAKSIN DISALUR BAGI PEKERJA SEKTOR AGROMAKANAN, BERITA NASIONAL-RTM1 BADAN KHAS PERLU UNTUK SELESAI ISU HARGA AYAM, BERITA TERKINI & BULETIN PAGI-TV3 SATU BADAN KHAS PERLU BAGI TANGANI HARGA AYAM DIPASARAN - BERNAMA NEWS- ONLINE GOVT TO CONTROL CHICKEN PRICE IN INCREASE CONTINUES, CORPORATE MALAYSIA, THE MALAYSIAN RESERVE-6 KERAJAAN JAMIN ISU KENAIKAN KOS MAKANAN AYAM HANYA SEMENTARA, NASIONAL, BH-7 HARGA AYAM JADI MAHAL KERANA JAGUNG, LOKAL, HM-9 KERAJAAN JAMIN ISU HARGA AYAM HANYA SEMENTARA, HM-ONLINE ISU KENAIKAN AYAM BERSIFAT SEMENTARA, BERITA AWANI-ASTRO AWANI IMPIKAN MALAYSIA JADI HUB EKSPORT HASIL TANI, GENERAL NEWS, HARAKAH-H24 SPECIAL BODY MUST BE SET UP TO ADDRESS ISSUE OF RISING PRICES OF CHICKEN - KIANDEE, HOME, THE SUNDAY POST-13	KEMENTERIAN PERTANIAN DAN INDUSTRI MAKANAN (MAFI)
11. 12.	JOHOR TERIMA RM16.6 JUTA BAGI PROGRAM BEKALAN MAKANAN, NEGERI JOHOR, SH-34 JOHOR'S FOOD SECURITY PROGRAMME KICKS OFF, NATION, THE STAR-10	JABATAN PERTANIAN MALAYSIA (DOA)
13. 14.	MY RAKYAT BANTU USAHAWAN TINGKATKAN PENDAPATAN TAWAR HARGA RENDAH, BERITA NASIONAL -RTM 1 MY RAKYAT BANTU USAHAWAN TINGKATKAN PENDAPATAN TAWAR HARGA RENDAH, BERITA MANDARIN -RTM 2	LEMBAGA PEMASARAN PERTANIAN PERSEKUTUAN (FAMA)*
15. 16. 17. 18. 19. 20. 21. 22. 23.	PROGRAM PTPB NAFAS-PETRONAS TINGKAT PENGELUARAN HASIL PADI, BERITA BERNAMA, BTM KERJASAMA NAFAS-PETRONAS BERJAYA TINGKATKAN PENGELUARAN PADI, NEGARA, KOSMO-18 PROJEK RINTIS PTPB KAMPUNG NAM DAM, NASIONAL, SH-5 PROGRAM PTPB NAFAS-PETRONAS TINGKAT PENGELUARAN HASIL PADI, NEWS, UTUSAN BORNEO-13 NAFAS-PETRONAS PTPB PROGRAMME INCREASES PADDY YIELDS, THE SUN DAILY-ONLINE NAFAS-PETRONAS PTPB PROGRAMME INCREASES PADDY YIELDS, THE EDGE MARKET-ONLINE PTPB BUKTI NAFAS MAMPU PERKASAKAN SEKTOR PERTANIAN NEGARA, MALAYSIA GAZETTE- ONLINE NAFAS PETRONAS PTPB PROGRAMME INCREASE PADDY YIELDS, BERNAMA NEWS-ONLINE PETRONAS PTPB NAFAS TINGKAT PENGELUARAN HASIL PADI, BERNAMA NEWS-ONLINE	PERTUBUHAN PELADANG KEBANGSAAN (NAFAS)
24. 25. 26. 27. 28. 29. 30. 31. 32. 33. 34.	HARGA LIMA JENIS SAYUR PULA NAIK, NASIONAL, BH-7 BISNES CENDAWAN LUMAYAN, DALAM NEGERI, UM-31 NURHAFIZ GEMBALA BERCITA-CITA TINGGI, GAYA LELAKI, UM-21&22 HABITAT BERUBAH JEJAS PATIN MUNCUNG, NEGARA, KOSMO-17 JOHOR, PAHANG DAN TERENGGANU BAKAL JADI PENGELUAR UTAMA SUSU SEGAR, BISNES-SH-37 TAUKE CENDAWAN LULUSAN SARJANA, NEGARA, KOSMO-16 USAHA KPDNHEP BERHASIL HARGA AYAM MULA TURUN, DALAM NEGERI, UM-5 PENDEKATAN BAHARU KPDNHEP BERJAYA TURUNKAN HARGA AYAM, NEGARA, KOSMO-7 INISIATIF HASIL GRADUAN HOLISTIK, SUPPLEMENT, HM-A34&A35 MOF PERHALUSI KAEDAH STABILKAN HARGA AYAM, EKONOMI, MINGGUAN SARAWAK-23 BAGAIMANA TVET DAN PERTANIAN KITA DIPINTAS VIETNAM, UTUSAN TV-ONLINE	LAIN-LAIN

UKKMAFI

**UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
KEMENTERIAN PERTANIAN DAN INDUSTRI MAKANAN
(UNTUK EDARAN DALAMAN MAFI, JABATAN DAN AGENSI SAHAJA)**


TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
20/9/2021	RTM 1	BERITA NASIONAL	

Program AiVAC Di Cameron Highlands : 17,000 Vaksin Disalur Bagi Pekerja Sektor Agromakanan



TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
20/9/2021	TV3	BULETIN TERKINI 1.30 & BULETIN PAGI 9.30	

Badan Khas Perlu Untuk Selesai Isu Harga Ayam



TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
20/9/2021	BERNAMA NEWS	ONLINE	

Satu badan khas perlu bagi tangani harga ayam di pasaran



Menteri Pertanian dan Industri Makanan Datuk Seri Dr Ronald Kiandee (tengah) memimpin proses vaksinasi COVID-19 kepada pekerja asing di Dewan Serbaguna Kampung Raja.

CAMERON HIGHLANDS, 18 Sept -- Kewujudan satu badan khas bagi memantau dan menangani isu kenaikan harga ayam di pasaran tempatan perlu direalisasikan, kata Menteri Pertanian dan Industri Makanan (MAFI) Datuk Seri Ronald Kiandee.

Justeru, katanya, perbincangan menyeluruh akan dibuat bersama Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) untuk memastikan perkara itu dapat dilaksanakan secara sistematik dan

berkesan.

"Bagi kita, badan khas itu lebih kepada bidang kuasa KPDNHEP selaku kementerian yang bertindak terhadap kenaikan harga (barangan).

"Di pihak MAFI, kita menyambut baik sebarang perbincangan (penyelesaian) kerana pendirian kita, kos pengeluaran (makanan ayam) ditanggung pihak industri dan kos (harga ayam) sepatutnya dikenakan kepada rakyat perlu seimbang," katanya selepas melawat Program Vaksinasi Barisan Hadapan Industri Agromakanan (AiVAC), di Dewan Serbaguna Kampung Raja, di sini hari ini.

Semalam Menteri KPDNHEP, Datuk Seri Alexander Nanta Linggi berkata sesi perbincangan bersama MAFI secara berterusan perlu diadakan bagi menangani permasalahan harga makanan ayam yang tinggi disuarakan kebanyakan penternak.

Beliau menegaskan perbincangan itu menyasarkan isu kos tinggi meliputi dedak ayam yang diimport, harga baka ayam dan anak ayam yang mempengaruhi harga ayam di peringkat pengguna.

Dalam pada itu, Ronald berkata pihaknya berpendapat bantuan subsidi bagi menampung kos pengimportan dan komponen makanan ternakan juga antara mekanisme yang mampu memberi kesan positif dalam menstabilkan semula kenaikan harga ayam di pasaran.

Terdahulu, mengenai program AiVAC beliau berkata lebih 17,000 pekerja sektor penanaman sayur di kawasan tanah tinggi itu akan menerima suntikan vaksin COVID-19 melalui program tersebut yang bermula 27 Ogos lalu.

Katanya, sebanyak 400 syarikat menyertai program itu yang dilihat sebagai langkah proaktif bagi menjamin kelangsungan rantai bekalan makanan negara.

"Sehingga kini sebanyak 10,000 pekerja telah menerima dos pertama, baki 7,000 pekerja lagi akan divaksin bermula semalam hingga 27 Sept ini," katanya

Headline	Govt to control chicken price if increase continues		
MediaTitle	The Malaysian Reserve		
Date	20 Sep 2021	Color	Black/white
Section	Corporate Malaysia	Circulation	12,000
Page No	6	Readership	36,000
Language	English	ArticleSize	322 cm ²
Journalist	by NUR HANANIAZMAN	AdValue	RM 2,270
Frequency	Daily	PR Value	RM 6,810



Govt to control chicken price if increase continues

As of Sept 14, a total of 164 premises have been inspected, and 163 compound notices have been issued to traders

by NUR HANANIAZMAN

THE government will not hesitate to control the price of chicken if prices at every level of the distribution chain continue to increase unreasonably.

Domestic Trade and Consumer Affairs (KPDNHEP) Minister Datuk Seri Alexander Nanta Linggi said the ministry had no plans to enforce price control for the item except during festive seasons but it would not hesitate to implement deterrent measures.

He said the current action is to consistently monitor and carry out price checks of chickens to ensure there is no price manipulation.

"KPDNHEP is engaging with the Agriculture and Food Industry Ministry to look at various costs to

breed chicken such as imported feed and chicks.

"We are aware that the increase in the price of chicken feed resulted in the spike in chicken price. About 80% of the chicken feed is imported," he said in response regarding chicken price issues and KPDNHEP's approach to address them.

Recently, there were reports that chicken prices spiked to RM10.70 from RM8 per kg within a week, caused by an increase in the cost of chicken feed such as corn and soybeans, which were imported.

The ministry's checks on Sept 10, 2021 found that the nationwide average price of standard chicken was at RM8.83/kg.

As a proactive measure, Nanta Linggi will also meet and discuss with the Finance Ministry to find reasonable and long-term measures that can be implemented by the government to stabilise chicken prices.

The ministry is now focusing on the mechanism of holding engagement sessions with industry

players consisting of suppliers, breeders and wholesalers so as not to create any price pressure that impacts on consumer retail prices.

Nanta Linggi said no cartel activities have been detected so far, and the ministry is working closely with the Malaysia Competition Commission to look into the matter.

"We will continue to closely monitor the price of chicken in the market, and will take legal action if warranted," he said in a recent statement.

As of Sept 14, a total of 164 premises had been inspected by the ministry's enforcement personnel, and 163 compound notices had been issued to traders so that detailed information could be obtained on their operation and purchasing costs.

The enforcement team had also issued 145 notices to traders at various chicken distribution chains as warnings against indiscriminate price hikes.

Finance minister Tengku Datuk

Seri Zafrul Tengku Abdul Aziz said the Finance Ministry will be studying the method to stabilise the rising prices of chicken so that it gives the best impact to consumers and breeders nationwide.

The effort would be carried out jointly with the Domestic Trade and Consumer Affairs Ministry and the Ministry of Agriculture and Food Industries (MAFI).

"The government is aware of the soaring prices of chicken, nonetheless, all decisions made should be seen from the impact to breeders and all parties involved as well as other industries in the food supply chain especially the impact to consumers which is the priority of the government.

"I also understand MAFI expects the rise in chicken prices to be temporary due to the uncertain demand in the market following the reopening of several economic sectors," he told reporters after visiting a Kelah Breeding Centre at Asuko Genius Sdn Bhd on Saturday, according to *Bernama*.

Headline	Kerajaan jamin isu kenaikan kos makanan ayam hanya sementara		
MediaTitle	Berita Harian		
Date	20 Sep 2021	Color	Full Color
Section	Nasional	Circulation	82,252
Page No	7	Readership	246,756
Language	Malay	ArticleSize	328 cm ²
Journalist	N/A	AdValue	RM 10,861
Frequency	Daily	PR Value	RM 32,583



Kerajaan jamin isu kenaikan kos makanan ayam hanya sementara

Pendang: Kerajaan memberi jaminan, isu kenaikan kos makanan ayam yang mempengaruhi harga ternakan itu, hanya bersifat sementara dan dijangka kembali stabil selepas pandemik COVID-19 diisytiharkan sebagai endemik.

Tinbalan Menteri Pertanian dan Industri Makanan II, Dr Nik Muhammad Zawawi Salleh, berkata kenaikan harga ayam berlaku ketika ini berikutan negara terpaksa mengimport jagung yang bekalanannya turut terkesan akibat pandemik wabak itu.

"Kita bukan pengeluar jagung, justeru terpaksa mengimportnya. Jika kita uenunami sendiri, kosnya jauh lebih tinggi sedangkan negara pengeluar jagung boleh jual kepada Malaysia pada harga murah dan lebih rendah.

"Bagaimanapun, ketika pandemik COVID-19, negara pengeluar jagung turut terkesan dan aktiviti pertanian mereka menjadi terbatas.

"Oleh itu, hasil jagung ke luaran negara berkenaan menjadi rebutan seluruh dunia menyebabkan harganya meningkat," katanya.

Bellau berkata demikian pada sidang media selepas Majlis Perasmian Musim Menuai Program Pengurusan Tanaman Padi Bersepadu (PTPB) Pertubuhan Peladang Kebangsaan (NAFAS) - PETRONAS di Kampung Nam Dam, di sini, semalam.

Yang turut hadir, Pengerusi Ahli Jemaah Pengarah NAFAS, Datuk Zamri Yaakob.

Mengulas lanjut, Nik Mu-

hammad Zawawi berkata, kerajaan dijangka mengisytiharkan COVID-19 sebagai endemik tidak lama lagi, dan begitu juga negara lain di seluruh dunia, sekali gus bakal memberi kesan terhadap harga makanan berasaskan pertanian.

Ditanya kemungkinan berlaku masalah ternakan sakit atau mati di ladang sehingga menjejaskan bekalan ayam dan mempengaruhi kenaikan harganya, bellau berkata, kes terabit memang berlaku tetapi hanya dalam jumlah minimum.

Sementara itu, Nik Muhammad Zawawi memaklumkan, Program PTPB NAFAS-PETRONAS yang dilaksanakan sebagai projek rintis di Kampung Nam Dam sejak April lalu, merekodkan hasil tuaian amat memberangsangkan.

Bellau berkata, purata pengumpulan tuaian musim ini mencatat hasil tujuh tan sehektar berbanding 2.95 tan sehektar pada musim sebelumnya.

"Program ini disertai 68 pesawah yang menjadi ahli Pertubuhan Peladang Kawasan (PPK) Kubur Panjang dengan membabitkan kawasan tanaman seluas 70 hektar.

"Kita berharap program ini mampu menjadi model kepada semua petani, terutama generasi muda, dalam mengaplikasikan teknologi pertanian. Sellepas ini, mereka boleh melaksanakan projek penanaman padi berskala besar dalam negara," katanya.



Nik Muhammad Zawawi (kanan) melawat sawah pada Majlis Perasmian Musim Menuai PTPB NAFAS-PETRONAS di Kampung Nam Dam, Pendang, semalam.
(Foto Noorazura Abdul Rahman/BH)

Headline	Harga ayam jadi mahal kerana jagung		
MediaTitle	Harian Metro		
Date	20 Sep 2021	Color	Full Color
Section	Setempat	Circulation	112,705
Page No	9	Readership	338,115
Language	Malay	ArticleSize	243 cm ²
Journalist	N/A	AdValue	RM 9,536
Frequency	Daily	PR Value	RM 28,608



Harga ayam jadi mahal kerana jagung

Pendang: Kerajaan memberi jaminan isu kenaikan harga makanan ayam sehingga mempengaruhi harga ayam di pasaran hanya bersifat sementara dan akan kembali stabil selepas pandemik Covid-19 diisytiharkan sebagai endemik.

Timbalan Menteri Pertanian dan Industri Makanan II, Dr Nik Muhammad Zawawi Salleh berkata, kenaikan harga ayam ketika ini berlaku berikutan negara terpaksa mengimport jagung yang bekalannya turut terkesan akibat Covid-19.

"Kita bukan pengeluar jagung, jadi kita terpaksa import kerana jika kita tanam sendiri kosnya jauh lebih tinggi sedangkan negara pengeluar jagung boleh jual pada Malaysia dalam harga yang murah.

"Bagaimanapun ketika pandemik Covid-19 melanda, negara pengeluar jagung turut terkesan dan aktiviti pertanian mereka juga terbatas, jadi hasil jagung negara terbabit menjadi rebusan



DR Nik Muhammad Zawawi (kanan) ketika Majlis Perasmian Musim Menuai Program Pengurusan Tanaman Padi Bersepadu (PTPB) Lembaga Pertubuhan Peladang Kebangsaan (Nafas)-Petronas di Kampung Nam Dam, Pendang.

tan seluruh dunia menyebabkan harganya turut meningkat," katanya.

Beliau berkata demikian pada sidang media selepas Majlis Perasmian Musim Menuai Program Pengurusan Tanaman Padi Bersepadu (PTPB) Lembaga Pertubuhan Peladang Kebangsaan (Nafas)-Petronas di Kampung Nam Dam di sini, semalam.

Turut hadir, Pengerusi Ahli Lembaga Pengarah Nafas, Datuk Zamri Yaakob.

Muhammad Zawawi, berkata pihaknya menjangkakan kerajaan mengisytiharkan Covid-19 sebagai endemik tidak lama lagi sekaligus memberi kesan terhadap harga makanan berasaskan pertanian.

Mengulas mengenai kemungkinan terdapat kes ter-

nakan sakit atau mati di ladang sehingga menyebabkan bekalan ayam berkurangan serta mempengaruhi kenaikan harga, beliau berkata ia memang berlaku namun dalam jumlah yang minimum.

Sementara itu, Muhammad Zawawi memaklumkan Program Pengurusan Tanaman Padi Bersepadu (PTPB) Pertubuhan Peladang Kebangsaan (Nafas)-Petronas yang dilaksana secara projek rintis sejak April lalu, di Kampung Nam Dam merekodkan hasil tuaian sangat memberangsangkan.

Katanya, purata hasil pengumpulan bagi musim ini menunjukkan penghasilan sebanyak tujuh tan sehektar berbanding hanya 2.95 tan sehektar pada musim sebelumnya.

"Program ini membabitkan 68 pesawah yang menjadi ahli Pertubuhan Peladang Kawasan (PPK) Kubur Panjang membabitkan keluasan kawasan tanaman 70 hektar," katanya.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
20/9/2021	HARIAN METRO	ONLINE	

Kerajaan jamin isu harga makanan ayam hanya sementara



Pendang: Kerajaan memberi jaminan isu kenaikan harga makanan ayam sehingga mempengaruhi harga ayam di pasaran hanya bersifat sementara dan akan kembali stabil selepas pandemik Covid-19 diisytihar sebagai endemik.

Timbalan Menteri Pertanian dan Industri Makanan II, Dr Nik Muhammad Zawawi Salleh berkata, kenaikan harga ayam ketika ini berlaku berikutan negara terpaksa mengimport

jagung (makanan ayam) yang bekalannya turut terkesan akibat Covid-19.

"Kita bukan pengeluar jagung, jadi kita terpaksa import kerana jika kita tanam sendiri kosnya jauh lebih tinggi sedangkan negara pengeluar jagung boleh jual pada Malaysia dalam harga yang murah." Bagaimanapun ketika pandemik Covid-19 melanda, negara pengeluar jagung turut terkesan dan aktiviti pertanian mereka juga terbatas, jadi hasil jagung negara terbabit menjadi rebutan seluruh dunia menyebabkan harganya turut meningkat," katanya.

Beliau berkata demikian pada sidang media selepas Majlis Perasmian Musim Menuai Program Pengurusan Tanaman Padi Bersepadu (PTPB) Lembaga Pertubuhan Peladang Kebangsaan (NAFAS)-PETRONAS di Kampung Nam Dam di sini, hari ini. Turut hadir, Pengerusi Ahli Lembaga Pengarah NAFAS, Datuk Zamri Yaakob.

Muhammad Zawawi berkata, pihaknya menjangkakan pengisytiharan Covid-19 sebagai endemik tidak lama lagi sekali gus memberi kesan terhadap harga makanan berasaskan pertanian. Mengulas kemungkinan terdapat kes ternakan sakit atau mati di ladang sehingga menyebabkan bekalan ayam berkurangan, beliau berkata, ia memang berlaku namun dalam jumlah yang minimum.

Sementara itu, mengenai program, Muhammad Zawawi memaklumkan ia dilaksana secara projek rintis sejak April lalu dan merekodkan hasil tuaian sangat memberangsangkan. Katanya, purata hasil pengumpulan bagi musim ini menunjukkan penghasilan sebanyak tujuh tan sehektar berbanding hanya 2.95 tan sehektar pada musim sebelumnya.

"Program ini membabitkan 68 pesawah yang menjadi ahli Pertubuhan Peladang Kawasan (PPK) Kubur Panjang membabitkan keluasan kawasan tanaman 70 hektar dan berharap ia mampu jadi model kepada semua petani terutama generasi muda dalam aplikasi teknologi pertanian," katanya.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
20/9/2021	ASTRO AWANI	BERITA AWANI	

Isu Kenaikan Harga Ayam Bersifat Sementara



20 SEP, 2021

Impikan Malaysia jadi hub eksport hasil tani

Harakah, Malaysia

Page 1 of 3



Di sebalik nama 'panas' Nik Muhammad Zawawi

Impikan Malaysia jadi hub eksport hasil tani

NAMA Dr Nik Muhammad Zawawi Salleh sebelum ini sering muncul 'panas' di media-media massa tempatan berikutan ketelusan beliau dalam memperkatakan tentang pelbagai isu yang timbul di negara ini. Apabila beliau terpilih buat pertama kalinya dalam kabinet menteri, di bawah kepimpinan Perdana Menteri, Dato' Seri Ismail Sabri Yaakob sebagai Timbalan Menteri II di Kementerian Pertanian dan Industri Makanan (MAFI), HarakahDaily cuba menyelami keperibadian Nik Muhammad Zawawi di sebalik nama 'panas' beliau itu. Retika ditemui kru Harakah, YUSMAN AWANG, SYAHIRAH SALLEH dan KAIROL ZULHAIDI di Putrajaya, baru-baru ini, ternyata dari ketrampilan, pembawaan diri dan bual bicara yang berjaya menyiratkan pandangan yang bernas serta berfikir ke hadapan, dengan berakar umbilkan dan berpegang teguh kepada ajaran, amanah dan tuntutan Islam, terbukti beliau seorang tokoh ilmu yang mampu diharapkan untuk menggalas dan merealisasikan harapan masa depan rakyat. Ikuti sedutan temu bual bersama beliau.

TERLEBIH dahulu HarakahDaily ingin mengucapkan tahniah kepada Yang Berhormat (YB) kerana terpilih dalam jemaah kabinet di bawah kepimpinan Perdana Menteri, Dato' Seri Ismail Sabri Yaakob. Apakah perasaan YB sebalik sahaja dilantik sebagai Timbalan Menteri II di Kementerian Pertanian dan Industri Makanan (MAFI)?

Pertamanya, saya ingin menjelaskan bahawa dalam perjuangan Islam ini, kita semua memahami bahawa tugas dan tanggungjawab adalah suatu amanah yang besar. Ia bukan satu kemuliaan untuk seseorang.

Sebab, tugas dan tanggungjawab apabila Allah beri kepada kita, memang Allah tahu kita dapat menyempurnakan tugas itu dengan baik. Itu asasnya. Cuma kadangkala manusia mengkhianati tugas dan tanggungjawab yang telah diberikan.

Terpulang kepada manusia sama ada mahu atau tidak mahu menyaluti apa yang Allah sudah taklifkan kepadanya.

Dan dalam konteks pelantikan saya sebagai Timbalan Menteri II di MAFI, bagi saya ada dua perkara. Pertama, saya dengan Allah sebagaimana saya sebut tadi, ini adalah suatu amanah besar yang Allah akan soal dan tanya selepas daripada mati.

Jawatan ini kalau tidak dikendalikan dengan baik, maka ia akan menjadi musibah kepada kita selepas kita mati.

Dan yang keduanya, dalam konteks kita dengan manusia. Apabila Perdana Menteri melantik saya, saya menerima (pelantikan itu) atas seranan daripada parti (PAS) yang mencadangkan supaya jawatan ini saya pegang. Dan saya pegang, insya Allah.

Justeru, saya ingin mengucapkan jutaan terima kasih di atas kepercayaan yang diberikan oleh kepimpinan dalam parti terutama Presiden,

Dato' Seri Tuan Guru Abdul Hadi Awang; Timbalan Presiden, Dato' Sri Tuan Ibrahim Tuan Man, dan Naib-Naib Presiden, Senator Idris Ahmad, Dato' Mohd Amar Abdullah dan Dato' Seri Dr Ahmad Samsuri Mokhtar yang sepakat untuk menyerahkan amanah ini kepada saya sebagai wakil daripada PAS di MAFI.

Saya juga ingin merakamkan jutaan terima kasih kepada Perdana Menteri kerana memberi kepercayaan kepada saya dan selangit tinggi junjung kasih kepada ke bawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong, Al-Sultan Abdullah Ri'ayatuddin Al-Mustafa Billah Shah yang telah perkenankan cadangan yang telah diutarakan oleh Perdana Menteri.

Saya sedar akan tanggungjawab besar yang saya pikul ini. Tanggungjawab ini akan menegakkan kita dengan waktu, dengan apa untuk kita tunaikan tanggungjawab.

Sebab hidup kita ini kita lebih seronok kalau kita bebas. Mahu pergi ke sana dan ke sini kita bebas melakukannya tetapi apabila kita pegang jawatan, kita akan terikat dengan amanah.

Dari sudut lain, sudah tentu saya rasa gembira sebab meraih kepercayaan daripada Agong, pemimpin negara dan rakyat.

Selain jawatan di MAFI, YD menggalas tanggungjawab sebagai Ketua Dewan Ulama PAS (DUPP), Ahli Majlis Syura Ulama PAS, Ahli Parlimen Pasir Puteh Kelantan dan sebelum ini juga sebagai Presiden Lembaga Pertubuhan Peladang (LPP). Boleh kongsi bagaimana YB membahagikan masa untuk melunaskan tugas bagi kesemua jawatan tersebut?

Sebelum ini, saya pegang jawatan Pengerusi Lembaga Pertubuhan Peladang (LPP). Namun bermula daripada hari saya angkat sumpah sebagai

Timbalan Menteri II, saya telah meletakkan jawatan di LPP. Sebab LPP di bawah MAFI, jadi tak munasabah saya pegang kedua-dua jawatan tersebut.

Tidak seharusnya apabila seseorang itu apabila pegang jawatan di agensi kerajaan tetapi dalam masa yang sama, pegang juga jawatan dalam syarikat berkaitan kerajaan (GLC).

Cuma secara rasminya, saya di MAFI dan dalam parti PAS sebagai Ahli Parlimen Pasir Puteh dan sebagai Ketua Dewan Ulama PAS serta Ahli Majlis Syura Ulama PAS.

Insya Allah, saya rasa saya mampu untuk menyempurnakan tugas-tugas dengan teratur dan sempurna.

Apakah misi dan visi YB untuk MAFI?

Misi dan visi untuk MAFI secara mudahnya, saya sebut bahawa program ataupun agenda kita adalah untuk menjadikan Malaysia sebagai sebuah negara yang bukan sahaja dapat membekalkan makanan kepada rakyat dalam negara.

Bahkan kita mempunyai sasaran, walaupun ia memakan masa mungkin beberapa tahun lagi, kita ingin menjadikan Malaysia sebagai hub pengeluar kepada negara dan juga sebagai negara pengeksport hasil tani keluaran negara.

Sebab itulah diperkenalkan sistem pertanian berteknologi tinggi dan kita mengharapkan kepada generasi muda agar menyahut seruan daripada pihak kerajaan.

Ini kerana pertanian moden ini dikuatir sukar untuk diterima oleh generasi lama, kalau individu yang berusia 60 tahun atau 70 tahun tidak ramai yang boleh menguasai teknologi moden pertanian seperti drone dan sebagainya.

Bagi menjadikan pertanian kepada berskala besar, yang terbaharu kita telah perkenalkan di Melaka. Ia merupakan kawasan pertanian yang akan diuruskan secara besar-besaran oleh kerajaan bersama-sama dengan agensi dan juga

syarikat-syarikat swasta.

Insya Allah, ia akan dikembangkan di Johor sebelum teknologi moden seumpamanya diperkenalkan di negeri-negeri pantai timur seperti Kelantan dan Terengganu.

Ini adalah langkah permulaan untuk kita memastikan sasaran untuk mencukupkan bekalan makanan negara tercapai. Sebagaimana kita tahu, Perdana Menteri beri 100 hari untuk buktikan pencapaian awal, maka ini merupakan suatu sasaran buat saya bersama-sama Menteri MAFI, Dato' Seri Dr Ronald Khande dan Timbalan Menteri I MAFI, Dato' Seri Ahmad Hamzah yang akan sama-sama berganding bahu.

Kita akan buktikan dalam masa 100 hari ini akan ada agenda besar baharu yang bakal diperkenalkan kepada rakyat, yang akan memberi manfaat kepada negara kita.

YB ada mengeluarkan kenyataan sebelum ini untuk melahirkan ramai anak muda berstatus jutawan dalam bidang pertanian. Apakah langkah yang diusahakan MAFI ke arah itu?

Ya, ini adalah salah satu sebab untuk negara ini beralih kepada pertanian moden. Sekarang ini prosesnya, kita hendak perkenalkan pertanian sebagai suatu perniagaan dalam kehidupan manusia. Ini adalah salah satu daripada perniagaan yang membolehkan manusia menjadi jutawan.

Sebelum ini apabila kita sebut jutawan, kebanyakan orang hanya nampak sektor korporat, kontraktor besar, bina pasar raya besar atau buka kedai emas, baru boleh jadi jutawan.

Orang tak nampak, menanam padi atau menanam sayur pun boleh menjadi jutawan. Hari ini kita sudah buktikan melalui Lembaga Pertubuhan Peladang (LPP). Saya suruh dua tahun menjawab jawatan Pengerusi LPP. Kita telah melahirkan jutawan lada, jutawan sayur, jutawan fertisasi dan jutawan ternak lembu.

20 SEP, 2021

Impikan Malaysia jadi hub eksport hasil tani

Harakah, Malaysia

Page 2 of 3

Alhamdulillah, dengan pertolongan daripada Allah. Mereka ini memang betul-betul jutawan, bukan sekadar pada nama tetapi ini kita telah isytiharkan mereka sebagai jutawan untuk galakkan orang lain menceburi bidang pertanian.

Jadi, ini adalah strategi yang kita bina di bawah MAFI. Alhamdulillah, kita akan capai sasaran sebagaimana Perdana Menteri mahukan daripada MAFI ini.

Selepas PAS berada dalam kabinet kerajaan, muncul golongan tertentu terutama netizen di media-media sosial tertentu yang sangat lantang mengkritik PAS kini tidak sama seperti ketika jadi pembangkang dahulu, khususnya dalam memperjuangkan tentang sesuatu isu berkaitan hukum-hakam Islam. Boleh YB komen?

Dalam konteks parti politik, apabila kita berada dalam sesebuah parti politik, kita akan berusaha utarakan sesuatu idea untuk dilaksanakan dalam kerajaan.

Kalau diberi satu jawatan yang besar begini (barisan jemaah kabinet) dalam kerajaan, sudah tentu kita akan bawa agenda daripada parti kita untuk dilaksanakan dalam negara demi kepentingan agama, bangsa dan negara.

Kalau kita berada dalam posisi sebagai pembangkang kita sekadar berteori.

Namun, apabila kita berada dalam kerajaan, ini adalah waktu untuk kita laksanakan apa yang selama ini kita perjuangkan dalam parti kita dan pelaksanaan ini kita akan buat secara berperingkat.

Kita tak buat sekaligus tetapi satu demi satu. Sebab itu, kepada semua di luar sana saya nasihatkan supaya bertenang.

Sebab kita tengok di luar sana, bila PAS masuk (kerajaan), semua akan bertanya apakah perkembangan isu itu dan isu ini (yang sebelum ini diperjuangkan PAS ketika berada dalam posisi pembangkang).

Sebenarnya, mereka (pihak yang lantang bertanya dan mengkritik), tidak faham mana-mana parti politik pun seperti itu (mengambil pendekatan berbeza apabila berada dalam kerajaan berbanding sebagai pembangkang).

Sebagai contohnya, Rasulullah SAW sendiri pun ketika berhijrah ke Madinah untuk membela dan menegakkan dan syiar Islam kepada penduduk di sana, Allah tidak turunkan ayat al-Quran secara sekaligus.

Tapi Allah turunkan satu ayat al-Quran terlebih dahulu untuk Rasulullah SAW baca, hafaz dan laksanakan (sebar kepada penduduk Madinah), barulah Allah turunkan ayat al-Quran yang kedua dan proses itu berulang-ulang sehingga boleh diterima masyarakat Madinah, barulah ayat-ayat ketiga dan keempat dan seterusnya diturunkan.

Inilah yang disebut dalam Islam sebagai tadarus atau beransur-ansur, jadi apabila seseorang itu bila diberi amanah, maka kita dikehendaki beransur-ansur, satu persatu dilaksanakan.

Ini kerana dalam konteks negara ini kata kalau kita tengok, masyarakat majmuk ini adalah anugerah daripada Allah. Sama sebagaimana Madinah, masyarakatnya majmuk pelbagai bangsa dan agama yang ada di situ lebih daripada 40 jenis penganut agama, lebih banyak daripada Malaysia.

Alhamdulillah kita buat satu demi satu, barulah masyarakat di negara kita menerima kehadiran acuan daripada Islam sebagai agama daripada Allah, bukan daripada PAS bukan daripada UMNO, bukan Bersatu, tetapi daripada Allah.

Apa yang menjadi kewajipan kepada semua yang mengucap dua kalimah Syahadah adalah untuk bersama-sama dengan agenda daripada Allah.

Kita kena yakin bahawa semua yang dicipta oleh Allah akan terima pada akhirnya firah yang datang daripada Allah.



20 SEP, 2021

Impikan Malaysia jadi hub eksport hasil tani

Harakah, Malaysia

Page 3 of 3

SUMMARIES

Di sebalik nama 'panas' Nik Muhammad Zawawi

NAMA Dr Nik Muhammad Zawawi Salleh sebelum ini sering muncul 'panas' di media-media massa tempatan berikutan ketelusan beliau dalam memperkatakan tentang pelbagai isu yang timbul di negara ini.



19 SEP, 2021

Special body must be set up to address issue of rising prices of chicken — Kiandee

The Sunday Post (Kuching), Malaysia

Page 1 of 2

Special body must be set up to address issue of rising prices of chicken — Kiandee

CAMERON HIGHLANDS: A special body must be set up to monitor and address the issue of rising prices of chicken in the local market said, Agriculture and Food Industries Minister Datuk Seri Ronald Kiandee.

As such he said, a comprehensive discussion would be held with the Ministry of Domestic Trade and Consumer Affairs (KPDNHEP) to tackle the problem in an effective and systematic manner.

"This special body will be more focused on matters which are under the jurisdiction of KPDNHEP as the ministry that acts on price increases (goods).

"As far as MAFI is concerned, we are open to discussions (solutions) because our stand is that the cost of production (chicken feed) borne by the industry and the costs (chicken price) imposed on the people must be proportionate," he told a press conference after visiting the AgroFood Industry Vaccination Programme (AiVAC), at Kampung Raja Multipurpose Hall, here, yesterday.

On Friday, KPDNHEP Minister, Datuk Seri Alexander Nanta Linggi said that discussions with MAFI should be held continuously to address



Kiandee (right) greets foreign workers during his visit to the AiVAC at Kampung Raja Multipurpose Hall. — Bernama photo

the problem of the rising cost of animal feed which have been brought up by farmers.

He stressed that the discussions targeted on the high cost of livestock feed including imported chicken feed, prices of chicken breed and chicks which affect the price of chicken at the consumer level.

On the vaccination programme, Kiandee said over 17,000 workers in the vegetable growing sector in the highlands, would be vaccinated against Covid-19 through AiVAC which began on Aug 27.

He said some 400 companies have participated in the AiVAC programme which was seen as

one of the proactive measures to ensure the continuity of the country's food supply chain.

"So far, 10,000 workers have been partially vaccinated under AiVAC while the remaining 7,000 workers are being vaccinated from yesterday until Sept 27," he added. --- Bernama



19 SEP, 2021

Special body must be set up to address issue of rising prices of chicken — Kiandee

The Sunday Post (Kuching), Malaysia

Page 2 of 2

SUMMARIES

CAMERON HIGHLANDS: A special body must be set up to monitor and address the issue of rising prices of chicken in the local market said, Agriculture and Food Industries Minister Datuk Seri Ronald Kiandee. As such he said, a comprehensive discussion would be held with the Ministry of Domestic Trade and Consumer Affairs (KPDNHEP) to tackle the problem in an effective and systematic manner.

Johor terima RM16.66 juta bagi program bekalan makanan

JOHOR BAHRU - Jabatan Pertanian Negeri Johor menerima peruntukan sebanyak RM16.66 juta daripada Kementerian Kewangan (MOF) bagi melaksanakan Program Jaminan Bekalan Makanan dalam usaha menjadikan negeri ini sebagai hab pengeluaran makanan negara.

Menteri Besar, Datuk Hasni Mohammad berkata, menerusi peruntukan itu, jabatan akan menyelaras enam program membabitkan 1,583 penerima dalam kalangan syarikat peneraju dan pengusaha, bermula tahun ini hingga 2022 bagi memastikan bekalan makanan mencukupi dan selamat dimakan.

Beliau berkata, daripada jumlah

peruntukan itu, RM2 juta diagihkan untuk Program Kolaborasi Syarikat Peneraju dengan Pengusaha Tanaman dan Industri Asas Tani (IAT).

"Program ini adalah kerjasama antara syarikat peneraju yang bertindak sebagai pemain industri dan IAT membabitkan urusan jual beli hasil atau produk pertanian, seterusnya mewujudkan perjanjian ladang kontrak.

"Satu persefahaman akan dapat dicapai antara syarikat peneraju dan pengusaha bagi mendapatkan harga pasaran yang relevan serta menguntungkan kedua-dua pihak, atas nasihat Jabatan Pertanian negeri," katanya dalam kenyataan pada Ahad.

Mengulas lanjut, Hasni berkata,

syarikat peneraju akan bertanggungjawab mencari pasaran sama ada tempatan atau eksport, manakala pengusaha berperanan memastikan produk dapat dikeluarkan, mencukupi, berkualiti dan selamat.

"Setiap syarikat peneraju dan pengusaha masing-masing akan menerima insentif maksimum RM50,000 dan RM20,000 dalam bentuk peralatan, mesin, kelengkapan atau infrastruktur diperlukan," katanya.

Tambah Hasni, ia bertujuan meningkatkan produktiviti, membangunkan pusat pengumpulan hasil bagi memastikan proses pemasaran berjalan lancar sekali gus mengatasi masalah lambakan produk pertanian. - *Bernama*

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
20/9/2021	THE STAR	NATION	10

Johor's Food Security Programme kicks off

JOHOR BARU: A Food Security Programme aimed at positioning Johor as the nation's main food production hub has kicked off with the state's agriculture department getting RM16.66mil from the Finance Ministry.

Johor Mentri Besar Datuk Hasni Mohammad said that with the allocation, the department would coordinate six programmes involving 1,583 recipients comprising leading companies and entrepreneurs, from the beginning of the year until 2022, to ensure adequate food supply.

From the amount allocated, some RM2mil would be channelled into a collaborative programme between leading companies and farmers as well as the agro-based industry (IAT).

"This programme is a collaboration between leading companies, which act as industry players, and IAT to deal with the buying and selling of crops, and subsequently, to establish contract farming agreements.

"An understanding will be

drawn up with leading companies and entrepreneurs that would help achieve relevant market pricing beneficial to both parties based on the advice of the state agriculture department," he said in a statement yesterday.

The said companies would be responsible for seeking both export and local markets, while entrepreneurs would be responsible for ensuring that products meet the required quantity and quality standards, and were safe to consume, said Hasni.

Under the programme, each leading company will receive a maximum incentive of RM50,000 while each entrepreneur, a maximum incentive of RM20,000. This will be given in the form of equipment, machinery, fixtures or infrastructure.

The programme is aimed at improving productivity with the construction of a farm produce collection centre to ensure that the marketing process runs smoothly. — Bernama

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
20/9/2021	RTM 1	BERITA NASIONAL	

My Rakyat Bantu Usahawan Tingkatkan Pendapatan Tawar Harga Rendah



TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
20/9/2021	RTM 2	BERITA MANDARIN	

My Rakyat Bantu Usahawan Tingkatkan Pendapatan Tawar Harga Rendah



TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
20/9/2021	BERNAMA TV	BERITA BERNAMA	

Program PTPB NAFAS- PETRONAS Tingkat Pengeluaran Hasil Padi



Headline	Kerjasama Nafas-Petronas berjaya tingkatkan pengeluaran padi		
MediaTitle	Kosmo		
Date	20 Sep 2021	Color	Full Color
Section	Negara	Circulation	155,996
Page No	18	Readership	467,988
Language	Malay	ArticleSize	280 cm ²
Journalist	N/A	AdValue	RM 7,294
Frequency	Daily	PR Value	RM 21,883



Kerjasama Nafas-Petronas berjaya tingkatkan pengeluaran padi

PENDANG – Program Pengurusan Tanaman Padi Bersepadu (PTPB) Pertubuhan Peladang Kebangsaan (Nafas)-Petronas yang dilaksanakan secara projek rintis di Kampung Nam Dam di sini mampu memberi hasil tuaian yang memberangsangkan.

Timbalan Menteri Pertanian dan Industri Makanan II, Dr. Nik Muhammad Zawawi Salleh berkata, seramai 68 pesawah terlibat dalam program itu yang bermula April lalu membabitkan tanah seluas 70 hektar.

Menurutnya, purata hasil pengumpulan bagi satu musim menunjukkan penghasilan sebanyak tujuh tan metrik per hektar melalui kaedah dan prosedur operasi standard program itu berbanding 2.95 tan metrik pada musim sebelumnya.

"Kami harap program ini mampu menjadi model kepada semua petani terutama generasi muda yang mampu mengikuti teknologi pertanian terkini," katanya selepas merasmikan program itu semalam.

Hadir sama Pengerusi Ahli Jemaah Pengarah Nafas, Datuk Zamri Yaakob dan Ketua Pegawai Pembuatan Petronas Chemicals Group Berhad, Mohd. Kabir



NIK MUHAMMAD (tengah) menaiki jentera menuai padi bagi meninjau hasil padi para petani di Kampung Nam Dam, Pendang semalam.

Noordin.

Menurutnya, program itu seiring dengan matlamat kerajaan dalam meningkatkan hasil setiap hektar tanah, meningkatkan pendapatan petani dan seterusnya meningkatkan Tahap Sara Diri (SSD) beras negara.

"Saya berharap projek ini diperluaskan lagi ke negeri lain seperti Kelantan, Terengganu, Perlis dan Pulau Pinang dengan

menyasarkan keluasan 5,000 hektar keseluruhan," ujarnya.

Sementara itu, Zamri berkata, kejayaan itu membuktikan sektor pertanian mampu memberi pendapatan lumayan dengan dibantu oleh teknologi canggih.

"Jika negara luar sudah mampu menanam padi lima kali setahun, tidak hairanlah petani kita mampu menanam tiga kali setahun pada masa depan," ujarnya.

Headline	Projek rintis PTPB Kampung Nam Dam		
MediaTitle	Sinar Harian		
Date	20 Sep 2021	Color	Full Color
Section	Nasional	Circulation	140,000
Page No	5	Readership	420,000
Language	Malay	ArticleSize	803 cm ²
Journalist	Oleh SITI ZUBAIDAH ZAKARAYA	AdValue	RM 17,024
Frequency	Daily	PR Value	RM 51,071

Projek rintis PTPB Kampung Nam Dam

Bantu tingkat pengeluaran dan pendapatan petani

Oleh SITI ZUBAIDAH ZAKARAYA

PENDANG

Program Pengurusan Tanaman Padi Bersepadu (PTPB) antara Pertubuhan Peladang Kebangsaan (Nafas) dan Petronas secara rintis di Kampung Nam Dam di sini merekodkan hasil memberangsangkan sekali gus meningkatkan pendapatan petani.

Timbalan Menteri Pertanian dan Industri Makanan II, Dr Nik Muhammad Zawawi Salleh berkata, purata hasil pengumpulan bagi satu musim pengeluaran padi menggunakan kaedah dan prosedur operasi standard PTPB menunjukkan peningkatan sebanyak 7 tan metrik per hektar berbanding 2.95 tan metrik pada musim

terdahulu.

Menurutnya, teknik penanaman padi secara sistematik serta bimbingan tenaga mahir sebagai penasihat kepada pesawah mampu menarik minat peladang muda menceburi bidang itu berikutan peningkatan pendapatan.

"Program ini melibatkan 68 pesawah yang merupakan ahli Pertubuhan Peladang Kawasan (PPK) Kubur Panjang dengan keluasan 70 hektar bermula April lalu.

"Projek sulung ini turut melibatkan kerjasama rakan strategik iaitu syarikat subsidiari Nafas, Malaysian NPK Fertilizer Sdn Bhd yang membekalkan baja berformulasi khas dan Petronas Chemicals Group Berhad yang membekalkan baja Agrenas DTU atau dikenali sebagai urea biru yang mempunyai kadar penyerapan lebih efisien.

"Selain itu, Thirty Three Management Sdn Bhd membekalkan input rawatan tanah, Antah Bumimedic Sdn Bhd membekalkan bahan berformulasi bagi merawat benih dan menangkis serangan kulat dan se-



Nik Muhammad Zawawi (tengah) menaiki jentera menuai padi di Pendang.

rangga, Braintree Sdn Bhd membekalkan perkhidmatan kepakaran pengendalian dron pertanian serta Advansia Sdn Bhd membekalkan input racun, khidmat nasihat dan kepatuhan dalam penggunaan racun perosak," katanya.

Beliau berkata demikian kepada pemberita ketika merasmikan musim menuai PTPB Model Nafas-Petronas di sini pada Ahad.

Hadir sama Timbalan Ketua Setiausaha (Dasar) Kementerian Pertanian dan Industri Makanan (MAFI), Azah Hanim Ahmad; Pengerusi Ahli Jemaah Pengarah Nafas, Datuk Zamri Yaakob dan Ketua Pegawai Pembuatan Petronas Chemical Group, Mohd Kabir Noordin.

Kejayaan besar

Nik Muhammad Zawawi berkata, kerjasama strategik seumpama itu akan membuka peluang kepada generasi muda menceburi bidang pertanian sebagai satu profesion yang menjanjikan pulangan lumayan sekiranya dilakukan bersungguh-sungguh dan dibantu teknologi moden serta terkini.

Perkara itu, kata beliau, secara tidak langsung dapat mengubah landskap industri padi dan beras negara serta mencapai matlamat kerajaan dalam menjamin sekuriti bekalan makanan negara sepanjang masa.

Sementara itu, Zamri berkata, peningkatan hasil pengeluaran padi melalui projek rintis tersebut adalah satu kejayaan besar dalam usaha me-

ningkatkan pendapatan dan taraf hidup golongan petani.

Menurutnya, Nafas bersedia untuk bersama-sama MAFI dalam merencanakan penanaman padi secara berskala besar seiring dengan matlamat kerajaan dalam meningkatkan kadar Tahap Sara Diri (SSL) beras negara iaitu daripada 70 peratus ke 75 peratus.

"Nafas merancang untuk menyambung lagi projek sama untuk tiga musim akan datang di Kampung Nam Dam dengan keluasan 75 hektar.

"Kami turut merancang untuk memperluas PTPB di beberapa kawasan berpotensi yang dikenal pasti di Perlis, Pulau Pinang, Kelantan dan Terengganu dengan menyasarkan keluasan 5,000 hektar keseluruhan dengan berkonsepkan sosial ekonomi dalam konteks menjayakan agenda sekuriti makanan negara," kata Zamri.

Mohd Kabir pula berkata, pihaknya bekerjasama dengan Nafas dari segi menyediakan baja urea biru yang membantu pesawah meningkatkan pengeluaran hasil padi mereka.

"Ia kini sudah terbukti mampu meningkatkan pengeluaran padi petani.

"Kita juga menggunakan dron bagi meningkatkan kecekapan dan menggunakan khidmat tenaga mahir seperti penasihat padi pakar," katanya.

Mohd Kabir turut memaklumkan pihaknya berhasrat untuk memperluas pendekatan itu ke seluruh negara serta ke luar negara pada masa akan datang.



Nik Muhammad Zawawi (depan dua kiri) mendengar taklimat penggunaan baja menerusi PTPB Nafas-Petronas.



Nik Muhammad Zawawi (depan dua kiri) turun padang ke Kampung Nam Dam pada Ahad.

20 SEP, 2021

Program PTPB NAFAS-Petronas tingkat pengeluaran hasil padi

Utusan Borneo Sarawak, Malaysia

Page 1 of 2

Program PTPB NAFAS-Petronas tingkat pengeluaran hasil padi

PENDANG: Program Pengurusan Tanaman Padi Bersapadu (PTPB) Pertubuhan Peladang Kebangsaan (NAFAS)-Petronas yang dilaksanakan secara projek rintis di Kampung Nam Dam di sini merekodkan hasil tuai sangat mem-berangsangkan.

Timbalan Menteri Pertanian dan Industri Makanan II Dr Nik Muhammad Zawawi Salleh berkata, purata hasil pengumpulan bagi satu musim itu menunjukkan peningkatan sebanyak tujuh tan metrik per hektar melalui kaedah dan prosedur operasi standard (SOP) penanaman PTPB berbanding 2.95 tan metrik pada musim sebelumnya.

"Kami mengharapkan program seumpama ini mampu menjadi model kepada semua para petani terutamanya generasi muda yang mampu mengikuti teknologi pertanian ini supaya mereka cebur diri dan boleh melaksanakan projek penanaman padi berskala besar dalam negara kita,"

katanya.

Beliau berkata, pada si- dang media selepas me- asyikan musim menuai program berkenaan di kam- pung itu semalam yang turut dihadiri Timbalan Ketua Setiausaha (Dasar) Kementerian Pertanian dan Industri Makanan (MAFI) Azah Hanim Ahmad.

Tutur hadir sama ialah Pengerusi Ahli Jemaah Pen- garah NAFAS Datuk Zamri Yaakob dan Ketua Pega- wai Pembuatan Petronas Chemicals Group Berhad Mohd Kabir Noordin.

Mengulas lanjut, Nik Mu- hammad Zawawi berkata program itu melibatkan 68 pesawah yang merupakan ahli Pertubuhan Peladang Kawasan Kubur Panjang dengan keluasan 70 hektar kawasan penanaman padi yang bermula musim satu pada April lepas.

"Program ini seiring dengan matlamat kera- jaan dalam meningkatkan hasil setiap hektar tanah, meningkatkan pendapatan petani dan seterusnya men-



BERI KETERANGAN: Nik Muhammad Zawawi (dua kiri) diberi penerangan mengenai baja oleh Ketua Pegawai Eksekutif Pertubuhan Peladang Kebangsaan (NAFAS) Abd Halim Hamzah (kanan) pada Majlis Perasmian Musim Menuai Program Pengurusan Tanaman Padi Bersapadu (PTPB) NAFAS-Petronas di Kampung Namdam, Kubur Panjang, Pendang semalam. Turut hadir Ketua Pegawai Pembuatan Petronas Chemicals Group Berhad (PCG) Mohd Kabir Noordin (kiri) dan Pengerusi Ahli Jemaah Pengarah NAFAS Datuk Zamri Yaakob (tiga kiri). *(Grafik Bernama)*

ingkatkan Tahap Sara Diri (SSR) beras negara iaitu dari pada 70 peratus ke 75

peratus," katanya.

Schubungan itu, katanya, diperluaskan lagi ke neg- eri lain yang dikenal pasti berpotensi antaranya Kel-

antan, Terengganu, Perlis dan Pulau Pinang dengan menyasarkan keluasan 5,000 hektar keseluruhan.

Sementara itu, Zamri menyifatkan program terse- but satu kejayaan besar yang dilihat mampu menarik mi- nat golongan muda mence- buribidang pertanian apabila ada hasil lumayan sekiranya dilaksanakan bersungguh- sungguh di samping bantuan teknologi serta mekanisasi moden dan terkini.

"Barulah ada minat orang muda, orang muda tak nak kurang terlibat dalam bi- dang pertanian kerana pen- dapatan inilah... jika pen- dapatan meningkat barulah mereka minat. NAFAS kita nak tarik (minat) orang muda (seperti) Peladang Muda," katanya.

Zamri berkata melalui program itu, NAFAS-Pet- ronas turut mendedahkan penggunaan teknologi terkin- i yang dapat memudahkan kerja penanaman padi serta mewujudkan sistem perta- nian lebih terancang selain mempetik hasil tuai

yang baik.

Dalam pada itu, Mohd Kabir berkata pihaknya bekerjasama dengan NA- FAS dalam program itu dari segi menyediakan baa paling efektif dipanggil 'baia biru' yang membantu pesawah terbahit mening- katkan pengeluaran hasil padi mereka.

"Sekarang ini adalah ter- bukti, dan kami juga gu- nakan drone supaya lagi efek- tif dan juga menggunakan expert paddy adviser (untuk program itu)," katanya yang turut memaklumkan pihaknya berhasrat untuk memperluaskan pendekatan penanaman padi seumpama ini ke seluruh negara serta ke luar negara.

Program itu turut meli- batkan kerjasama rakan strategik iaitu Syarikat Subsidiari NAFAS iaitu Malaysian NPK Fertilizer Sdn Bhd (MNFSD) selain Thirty Three Management Sdn Bhd, Antah Biomedia Sdn Bhd, Brantree Sdn Bhd dan Adcansia Sdn Bhd. — Bernama



20 SEP, 2021

Program PTPB NAFAS-Petronas tingkat pengeluaran hasil padi

[Utusan Borneo Sarawak, Malaysia](#)

Page 2 of 2

SUMMARIES

PENDANG: Program Pengurusan Tanaman Padi Bersepadu (PTPB) Pertubuhan Peladang Kebangsaan (NAFAS)-Petronas yang dilaksanakan secara projek rintis di Kampung Nam Dam di sini merekodkan hasil tuaian sangat memberangsangkan. Timbalan Menteri Pertanian dan Industri Makanan II Dr Nik Muhammad Zawawi Salleh berkata, purata hasil pengumpulan bagi satu musim itu menunjukkan peningkatan sebanyak tujuh tan metrik per hektar melalui kaedah dan prosedur operasi standard (SOP) penanaman PTPB berbanding 2.95 tan metrik pada musim sebelumnya.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
20/9/2021	THE SUN DAILY	ONLINE	

NAFAS-Petronas PTPB programme increases paddy yields



PENDANG: The National Farmers Organisation (NAFAS)-Petronas Integrated Paddy Growing Management (PTPB) Programme's pioneer project in Kampung Nam Dam, here, has recorded very encouraging yields.

Agriculture and Food Industries Deputy Minister II, Dr Nik Muhammad Zawawi Salleh said the average paddy production per season rose to seven tonnes per hectare through the PTPB planting method and standard operating

procedure (SOP) compared to 2.95 tonnes previously.

"We hope that such a programme could serve as a model for all farmers, especially the younger generation who could apply this agriculture technology to undertake large-scale paddy growing projects in this country."

He said this at a news conference after officiating at the paddy-harvesting programme at the village with the ministry's Deputy Secretary-General (Policy) Azah Hanim Ahmad, NAFAS board of directors chairman Datuk Zamri Yaakob and Petronas Chemicals Group Berhad chief manufacturing officer Mohd Kabir Noordin also present.

Nik Muhammad Zawawi said the programme involved 68 farmers who are members of the Kubur Panjang Area Farmers Organisation, working on 70 hectares of paddy land with the first season starting last April.

"This programme is in line with the government's objective of increasing paddy production per hectare and the farmers income and hence, the country's rice self-sufficiency level from 70 percent to 75 percent.

"This project will be extended to other states with the potential for it such as Kelantan, Terengganu, Perlis and Penang with the targeted total area of 5,000 hectares.

Meanwhile, Zamri described the programme as a major success and could attract the youths to venture into agriculture when it could produce high yields if carried out earnestly with technological assistance and modern and latest mechanisation.

"If there is income increase in agriculture, then only the youths will be interested in the field. NAFAS wishes to attract them to become exemplary young farmers.

"The NAFAS-Petronas programme also exposes them to the use of the latest technology to ease paddy growing, thus creating a better planned agriculture system and producing higher yields," he added,

Mohd Kabir, meanwhile, said Petronas Chemicals Group collaborated with NAFAS in the programme by providing a very effective fertiliser known as the blue fertiliser to help farmers increase their paddy yields:

“This is now proven and we also use drones and expert paddy advisors (in this programme),” he said, adding that the company planned to extend this paddy-growing approach to the rest of the country and abroad.

This programme also involves the cooperation of strategic partners, namely, NAFAS subsidiary, Malaysian NPK Fertilizer Sdn Bhd (MNFSB); Thirty Three Management Sdn Bhd; Antah Bumimedic Sdn Bhd; Braintree Sdn Bhd and Advansia Sdn Bhd. — Bernama

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
20/9/2021	THE EDGE MARKET	ONLINE	

Nafas-Petronas PTPB programme increases paddy yields



PENDANG (Sept 19): The National Farmers Organisation (NAFAS)-Petronas Integrated Paddy Growing Management (PTPB) Programme's pioneer project in Kampung Nam Dam here has recorded very encouraging yields.

Agriculture and Food Industries Deputy Minister II, Dr Nik Muhammad Zawawi Salleh, said the average paddy production per season rose to seven tonnes per hectare through the PTPB planting method and standard operating procedure (SOP) compared to 2.95 tonnes

previously.

"We hope that such a programme could serve as a model for all farmers, especially the younger generation who could apply this agriculture technology to undertake large-scale paddy growing projects in this country."

He said this at a news conference after officiating at the paddy-harvesting programme at the village with the ministry's Deputy Secretary-General (Policy) Azah Hanim Ahmad, NAFAS board of directors chairman Datuk Zamri Yaakob and Petronas Chemicals Group Berhad chief manufacturing officer Mohd Kabir Noordin also present.

Nik Muhammad Zawawi said the programme involved 68 farmers who are members of the Kubur Panjang Area Farmers Organisation, working on 70 hectares of paddy land with the first season starting last April.

"This programme is in line with the government's objective of increasing paddy production per hectare and the farmers income and hence, the country's rice self-sufficiency level from 70% to 75%.

"This project will be extended to other states with the potential for it such as Kelantan, Terengganu, Perlis and Penang with the targeted total area of 5,000 hectares.

Meanwhile, Zamri described the programme as a major success and could attract the youths to venture into agriculture when it could produce high yields if carried out earnestly with technological assistance and modern and latest mechanisation.

"If there is income increase in agriculture, then only the youths will be interested in the field. NAFAS wishes to attract them to become exemplary young farmers.

"The NAFAS-Petronas programme also exposes them to the use of the latest technology to ease paddy growing, thus creating a better planned agriculture system and producing higher yields," he added.

Mohd Kabir, meanwhile, said Petronas Chemicals Group collaborated with NAFAS in the programme by providing a very effective fertiliser known, as the blue fertiliser to help farmers increase their paddy yields.

"This is now proven and we also use drones and expert paddy advisors (in this programme)," he said, adding that the company planned to extend this paddy-growing approach to the rest of the country and abroad.

This programme also involves the cooperation of strategic partners, namely, NAFAS subsidiary, Malaysian NPK Fertilizer Sdn Bhd (MNFSB); Thirty Three Management Sdn Bhd; Antah Bumimedic Sdn Bhd; Braintree Sdn Bhd and Advansia Sdn Bhd.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
20/9/2021	MALAYSIA GAZETTE	ONLINE	

PTPB bukti NAFAS mampu perkasakan sektor pertanian negara



PENDANG – Penglibatan Pertubuhan Peladang Kebangsaan (NAFAS) secara langsung dalam sektor industri padi dan beras negara membuktikan ia mampu memperkasakan sektor pertanian negara sejajar dengan hasrat kerajaan.

Pengerusi Ahli Jemaah Pengarah Nafas, Datuk Zamri Yaakob berkata, Program Pengurusan Tanaman Padi Bersepadu (PTPB) NAFAS – Petronas ini antara bukti pihaknya mampu menyediakan satu platform bagi membantu pesawah dalam aktiviti penanaman padi bermula dari sebelum tanaman sehingga tuaian hasil

Jelas beliau, kejayaan PTPB ini juga dikatakan mampu menarik golongan muda untuk menceburi bidang pertanian susulan mereka mampu meraih pendapatan tinggi.

“PTPB ini merupakan kejayaan besar buat kita, kerana sebelum ini hasil padi kira-kira dua tan metrik namun dengan PTPB ini kita lihat peningkatannya lebih 100 peratus iaitu sebanyak sembilan tan metrik.

“Kita mahu penyelidikan dan pembangunan (R&D) dalam sektor penanaman padi terus dipertingkatkan sejajar dengan negara maju, di mana padi dituai lebih dua kali setahun.

“Sasaran kita kini, mahu menarik minat golongan muda termasuk wanita menyertai bidang pertanian sekali gus menjayakan sosial ekonomi serta agenda sekuriti makanan negara,” katanya.

Terdahulu, Timbalan Menteri Pertanian dan Industri Makanan II, Dr. Nik Muhammad Zawawi Salleh merasmikan Musim Menuai PTPB NAFAS-Petronas di Kampung Namdam di sini, hari ini.

Dr Nik Muhammad Zawawi (tengah) menaiki jentera menuai padi pada majlis perasmian program pengurusan tanaman padi bersepadu model NAFAS- Petronas di Pendang hari ini.



Hadir sama, Timbalan Ketua Setiausaha (Dasar) MAFI, Azah Hanim Ahmad dan Ketua Pegawai Pembuatan Petronas Chemical Group, Mohd Kabir Noordin.

Tambah Zamri, NAFAS juga bersedia untuk bersama MAFI dalam merencanakan penanaman padi secara berskala besar seiring dengan matlamat kerajaan dalam meningkatkan kadar Tahap Sara Diri (SSL) beras negara iaitu daripada 70 kepada 75 peratus.

Sementara itu, Mohd Kabir berkata, pihaknya mengeluarkan baja paling efektif dengan kerjasama NAFAS dalam memastikan pengeluaran hasil padi negara meningkat.

Kata beliau, selain baja dua lagi inisiatif diguna pakai iaitu penggunaan dron serta khidmat nasihat daripada pakar padi bagi mencapai objektif menghasilkan petani pintar di negara ini.

“Semua sedia maklum, Petronas merupakan pengeluar kedua ammonia dan urea terbesar di Asia Tenggara sejajar dengan itu kita akan terus memperhebatkan pengajian serta menjalinkan kerjasama dengan NAFAS agar agenda nasional berkaitan isu keselamatan pembekalan makanan tercapai.

“Kita juga berharap, baja efektif dalam membantu pengeluaran padi ini akan digunakan petani seluruh Malaysia serta luar negara pada masa akan datang,” kata Mohd Kabir. – MalaysiaGazette

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
20/9/2021	BERNAMA NEWS	ONLINE	

Program PTPB Nafas-Petronas tingkat pengeluaran hasil padi



Timbalan Menteri Pertanian dan Industri Makanan II, Dr. Nik Muhammad Zawawi Salleh (dua, kiri) diberi penerangan mengenai baja oleh Ketua Pegawai Eksekutif Pertubuhan Peladang Kebangsaan (Nafas) Abd Halim Hamzah (kanan) pada Majlis Perasmian Musim Menuai Program Pengurusan Tanaman Padi Bersepadu (PTPB) Nafas-Petronas di Kampung Namdam, Kubur Panjang hari ini.

PENDANG, 19 Sept -- Program Pengurusan Tanaman Padi Bersepadu (PTPB) Pertubuhan Peladang Kebangsaan (NAFAS)-Petronas yang dilaksanakan secara projek rintis di Kampung Nam Dam di sini merekodkan hasil tuaian sangat memberangsangkan.

Timbalan Menteri Pertanian dan Industri Makanan II Dr Nik Muhammad Zawawi Salleh berkata purata hasil pengumpulan bagi satu musim itu menunjukkan peningkatan sebanyak tujuh tan metrik per hektar melalui kaedah dan

prosedur operasi standard (SOP) penanaman PTPB berbanding 2.95 tan metrik pada musim sebelumnya.

"Kami mengharapkan program seumpama ini mampu menjadi model kepada semua para petani terutamanya generasi muda yang mampu mengikuti teknologi pertanian ini supaya mereka cebur diri dan boleh melaksanakan projek penanaman padi berskala besar, dalam negara kita," katanya.

Beliau berkata pada sidang media selepas merasmikan musim menuai program berkenaan di kampung itu hari ini yang turut dihadiri Timbalan Ketua Setiausaha (Dasar) Kementerian Pertanian dan Industri Makanan (MAFI) Azah Hanim Ahmad.

Turut hadir sama ialah Pengerusi Ahli Jemaah Pengarah NAFAS Datuk Zamri Yaakob dan Ketua Pegawai Pembuatan Petronas Chemicals Group Berhad Mohd Kabir Noordin.

Mengulas lanjut, Nik Muhammad Zawawi berkata program itu melibatkan 68 pesawah yang merupakan ahli Pertubuhan Peladang Kawasan Kubur Panjang dengan keluasan 70 hektar kawasan penanaman padi yang bermula musim satu pada April lepas.

"Program ini seiring dengan matlamat kerajaan dalam meningkatkan hasil setiap hektar tanah, meningkatkan pendapatan petani dan seterusnya meningkatkan Tahap Sara Diri (SSL) beras negara iaitu daripada 70 peratus ke 75 peratus," katanya.

Sehubungan itu, katanya projek seumpama itu akan diperluaskan lagi ke negeri lain yang dikenal pasti berpotensi antaranya Kelantan, Terengganu, Perlis dan Pulau Pinang dengan menyasarkan keluasan 5,000 hektar keseluruhan.

Sementara itu, Zamri menyifatkan program tersebut satu kejayaan besar yang dilihat mampu menarik minat golongan muda menceburi bidang pertanian apabila ada hasil lumayan sekiranya dilaksanakan bersungguh-sungguh di samping bantuan teknologi serta mekanisasi moden dan terkini.

"Barulah ada minat orang muda, orang muda tak nak (kurang terlibat dalam bidang pertanian) kerana pendapatan inilah...jika pendapatan meningkat barulah mereka minat. NAFAS kita nak tarik (minat) orang muda (seperti) Peladang Muda," katanya.

Zamri berkata melalui program itu, NAFAS-Petronas turut mendedahkan penggunaan teknologi terkini yang dapat memudahkan kerja penanaman padi serta mewujudkan sistem pertanian lebih terancang selain memperoleh hasil tuaian yang baik.

Dalam pada itu, Mohd Kabir berkata pihaknya bekerjasama dengan NAFAS dalam program itu dari segi menyediakan baja paling efektif dipanggil 'baja biru' yang membantu pesawah terbabit meningkatkan pengeluaran hasil padi mereka.

"Sekarang ini adalah terbukti, dan kami juga gunakan dron supaya lagi efektif dan juga menggunakan expert paddy advisor (untuk program itu)," katanya yang turut memaklumkan pihaknya berhasrat untuk memperluaskan pendekatan penanaman padi seumpama itu ke seluruh negara serta ke luar negara.

Program itu turut melibatkan kerjasama rakan strategik iaitu Syarikat Subsidiari NAFAS iaitu Malaysian NPK Fertilizer Sdn Bhd (MNFSB) selain Thirty Three Management Sdn Bhd, Antah Bumimedic Sdn Bhd, Braintree Sdn Bhd dan Advansia Sdn Bhd.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
20/9/2021	BERNAMA NEWS	ONLINE	

NAFAS-Petronas PTPB Programme increases paddy yields



Tembakan Menteri Pertanian dan Industri Makanan II, Dr. Nik Muhammad Zawawi Salleh (dua, kiri) diberi penerangan mengenai baja oleh Ketua Pegawai Eksekutif Perusahaan Peladang Kebangsaan (Nafas) Abd Halim Hamzah (kanan) pada Majlis Penanaman Musim Menuai Program Pengurusan Tanaman Padi Bersepadu (PTPB) Nafas-Petronas di Kampung Namdam, Kubur Panjang Terengganu.

PENDANG, Sept 19 -- The National Farmers Organisation (NAFAS)-Petronas Integrated Paddy Growing Management (PTPB) Programme's pioneer project in Kampung Nam Dam, here, has recorded very encouraging yields.

Agriculture and Food Industries Deputy Minister II, Dr Nik Muhammad Zawawi Salleh said the average paddy production per season rose to seven tonnes per hectare through the PTPB planting method and standard operating

procedure (SOP) compared to 2.95 tonnes previously.

"We hope that such a programme could serve as a model for all farmers, especially the younger generation who could apply this agriculture technology to undertake large-scale paddy growing projects in this country."

He said this at a news conference after officiating at the paddy-harvesting programme at the village with the ministry's Deputy Secretary-General (Policy) Azah Hanim Ahmad, NAFAS board of directors chairman Datuk Zamri Yaakob and Petronas Chemicals Group Berhad chief manufacturing officer Mohd Kabir Noordin also present.

Nik Muhammad Zawawi said the programme involved 68 farmers who are members of the Kubur Panjang Area Farmers Organisation, working on 70 hectares of paddy land with the first season starting last April.

"This programme is in line with the government's objective of increasing paddy production per hectare and the farmers income and hence, the country's rice self-sufficiency level from 70 per cent to 75 per cent.

"This project will be extended to other states with the potential for it such as Kelantan, Terengganu, Perlis and Penang with the targeted total area of 5,000 hectares.

Meanwhile, Zamri described the programme as a major success and could attract the youths to venture into agriculture when it could produce high yields if carried out earnestly with technological assistance and modern and latest mechanisation.

"If there is income increase in agriculture, then only the youths will be interested in the field. NAFAS wishes to attract them to become exemplary young farmers.

"The NAFAS-Petronas programme also exposes them to the use of the latest technology to ease paddy growing, thus creating a better planned agriculture system and producing higher yields," he added,

Mohd Kabir, meanwhile, said Petronas Chemicals Group collaborated with NAFAS in the programme by providing a very effective fertiliser known as the blue fertiliser to help farmers increase their paddy yields.

"This is now proven and we also use drones and expert paddy advisors (in this programme)," he said, adding that the company planned to extend this paddy-growing approach to the rest of the country and abroad.

This programme also involves the cooperation of strategic partners, namely, NAFAS subsidiary, Malaysian NPK Fertilizer Sdn Bhd (MNFSB); Thirty Three Management Sdn Bhd; Antah Bumimedic Sdn Bhd; Braintree Sdn Bhd and Advansia Sdn Bhd.

- BERNAMA

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
20/9/2021	BERITA HARIAN	NASIONAL	7



Nor Nadia menyusun sayur di gerai miliknya di Pasar Kedai Payang, semalam.

(Foto: Zatul Iffah Zolkiply/BH)

Harga lima jenis sayur pula naik

Peniaga di Pasar Kedai Payang dakwa kenaikan hingga RM4 sekilogram

Oleh Zatul Iffah Zolkiply
bhnews@bh.com.my

Kuala Terengganu: Ketika isu kenaikan harga ayam dan ikan di pasar daerah ini belum reda, kini sekurang-kurangnya lima jenis sayur pula menunjukkan perkembangan sama.

Tinjauan di Pasar Kedai Payang, mendapati lima jenis sayur seperti cili merah, salad, lengkuas dan bunga kobis, menunjukkan peningkatan di antara RM2 hingga RM4 sekilogram, dalam tempoh seminggu bermula 11 September lalu.

Sebelum ini, cili merah dijual dengan harga RM10 sekilogram

(kg), namun kini harganya memecah RM14 sekilogram, manakala bunga kobis yang sebelum ini dijual dengan harga RM8.70 meningkat kepada RM10 sekilogram.

Peniaga, Nor Nadia Musa, 25, mendakwa harga beberapa jenis sayur itu mula meningkat sejak seminggu lalu apabila permintaan meningkat secara tiba-tiba.

"Kenaikan mula berlaku sejak Sabtu lalu (11 September) apabila harga sayur seperti cili merah naik 50 sen bagi setiap kilogram dan dalam tempoh seminggu ini, sudah naik sehingga RM4.

"Memang tidak semua sayur naik harga, tetapi saya boleh cakap lima jenis sayur ini meningkat sejak beberapa hari lalu," katanya ketika ditemui di Pasar Kedai Payang, di sini, semalam.

Bagi peniaga, Mohd Zaki Ali, 50, kenaikan harga beberapa jenis sayuran itu secara berperingkat itu menyebabkan pendapatan mereka merosot sehingga 20 peratus, selain terpaksa menanggung kerugian jika sayuran berkenaan tidak terjual.

"Walaupun kenaikan itu hanya

50 sen sehari, apabila setiap hari naik, memang terjejas pendapatan dan pelanggan juga bertanya mengenai kenaikan itu.

"Saya tidak tahu apa punca kenaikan ini, tetapi mungkin sebab kekurangan bekalan," katanya.

Pengusaha kedai makan, Suzila Mohd Zin, 35, berkata peningkatan harga sayur sedikit sebanyak menjejaskan pendapatannya, memandang dia membeli sayuran dalam kuantiti banyak.

"Kalau beli secara runcit, mungkin tidak terasa sangat kenaikan tetapi sebagai peniaga, saya perlu membeli dalam jumlah yang banyak.

"Situasi ini menyebabkan saya tersepit kerana saya tidak boleh menaikkan harga makanan disukai hati," katanya.

Sebelum ini, harga ayam segar di Terengganu meningkat kepada RM10 sekilogram berbanding RM8 sebelumnya. Keadaan itu masih tidak berubah, manakala harga beberapa jenis ikan di Pasar Kedai Payang turut mengalami kenaikan hingga RM2 sekilogram.

Bisnes cendawan nelayan lumayan

OKeH WAT KAMAL ABAS
utusannews@mediamulla.com.my

PARIT BUNTAR: Kearifan seorang nelayan kelab daripada kepompong kemiskinan membuahkan hasil setelah dia menceburi penanaman cendawan di rumahnya di Kampung Raja Bashah, Kuala Kurau, di sini.

Mohd. Radzi Said, 51, berkata, sebagai golongan B40 yang berusaha mengubah taraf kehidupan, dia cuba mengusahakan tanam cendawan menggunakan kaedah penanaman sistem rumah cendawan pintar atau I-Mistroom.

Katanya, kaedah itu diperkenalkan kepadanya oleh seorang penyarah kanan Fakulti Kejuruteraan Mekanikal dari Universiti Teknologi Mara (UiTM) Pulau Pinang, Dr. Hamid Yusoff, beberapa bulan lalu.

"Bermodalkan RM24,000 melalui Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP) hasil pengeluaran melalui I-Lestari dan I-Sinar, saya membuat sendiri rumah cendawan pintar bersebelahan rumah saya.

"Jabatan Pertanian Perak turut membantu menyumbangkan bongkah cendawan dan rak tanam.

"Selain itu saya dibantu Sahabat Alam Lestari Parit Buntar serta kumpulan penyelidik, SIG



DR. HAMID YUSOFF (depan) meneliti perkembangan tanaman cendawan menggunakan kaedah I-Mistroom yang diusahakan Mohd. Radzi Said Kampung Raja Bashah, Kuala Kurau di Parit Buntar baru-baru ini. - UTUSAN/WAT KAMAL ABAS

Admech UiTM Pulau Pinang," katanya ketika ditemui *Utusan Malaysia*, baru-baru ini.

Menurutnya, dia memulakan dengan penanaman dua jenis cendawan iaitu cendawan tiram 6,000 bongkah cendawan.

"Purata sehari hasil tuaian cendawan ialah sebanyak 15 kilogram dan saya memasarkannya dengan harga purata sebanyak RM12 sekilogram.

"Saya mendapat hasil seba-

nyak RM4,200 untuk bulan pertama penjualan tanaman ini," katanya.

Dr. Hamid yang meninjau tanaman cendawan diusahakan Mohd. Radzi berkata, kaedah I-Mistroom membantu menyelesaikan masalah yang dihadapi oleh pengusaha industri cendawan seperti penanaman, pemborongan dan pematin industri huluhan serta hiliran.

Menurutnya, sepasukan penyelidik SIG Admech UiTM Pulau Pinang menerajui usaha penyelidikan itu bagi membantu menyelesaikan masalah yang dihadapi oleh pengusaha industri cendawan serta raniannya.

"Kaedah I-Mistroom diperkenalkan kepada golongan B40 bagi menaik taraf kehidupan mereka.

"Mohd. Radzi adalah orang pertama dari golongan B40 di negeri Perak yang diperkenalkan dengan sistem ini di bawah program Jabatan Pertanian Daerah Kerian bersama Sahabat Alam Lestari Parit Buntar," katanya.

Kaedah I-Mistroom adalah sistem penanaman berasaskan internet kebendaan (IoT) yang mampu mengawal dan memantau suhu, kelembapan udara, cahaya dan tahap oksigen bagi mendapat pertumbuhan cendawan yang lebih baik.

Gaya

LELAKI



MUHAMMAD Nurhafiz Zainal, usahawan muda yang gigih menjalankan perniagaan haiwan ternakan kambing dan lembu di Kampung Batu 10 Cheras.

Nurhafiz gembala bercita-cita tinggi

Oleh HANIFAH NAZIRA
MOHAMED HANAFIAH
gayatusan@medianusa.com.my

SEJARAH Islam ada menyatakan kebanyakan pekerjaan dilakukan para nabi adalah penggembala kambing.

Malah Nabi Muhammad SAW juga pernah menggembala kambing semasa kecil sebelum diangkat menjadi Rasulullah.

Mengambil itu sebagai contoh, mendorong pemilik ladang ternak Tanjung Maju Agro Farm Muhammad Nurhafiz Zainal, 33, bergelar gembala kambing biarpun pada usia yang muda.

"Saya bermula secara kecil-kecilan sekitar 2016. Bermula hanya sembilan ekor, kini ada lebih 100 kor



"Lebih mustahak, pada peringkat awal iaitu sewaktu mengambil stok, kami hanya memilih pembekal yang ada sijil kesihatan daripada Jabatan Veterinar yang disahkan."

kambing dan lapan ekor lembu," katanya kepada Utusan Malaysia.

Tanjung Maju Agro Farm terletak di Kampung Batu 10

Cheras, Selangor, kira-kira lima kilometer dari Kuala Lumpur.

Ladang ternakan itu menternak aneka jenis kambing, biri-biri dan lembu. Antara kambing yang ada ialah baka Dopder, Santa, Long Tail, Damara, Jamnapari, Cross Boer dan Boer. Ia diperolehi seruta Pahang dan Perak. Lembu pula adalah jenis baka tempatan.

Berpegang dengan falsafah di mana ada kemahuan di situ ada jalan, Muhammad Nurhafiz memberanikan diri membuka ladang sungguhpun ilmu di dada belum penuh sepenuhnya.

Katanya, selain kerjaya, objektif utama membuka ladang berkenaan ialah mahu menjadi hab utama pembekal daging mentah kambing dan

lembu halal di Lembah Klang.

Produk berkualiti ditawarkan juga adalah sebagai memenuhi fardu kifayah umat Islam yang dikealisasikan dalam amalan ibadah akikah atau korban serta kenduri-kendara bagi pengguna dan pembekal daging di negara ini.

BERBINCANG

Jelas Muhammad Nurhafiz, urusan jual-beli haiwan ternakannya dijalankan menerusi perbincangan dan khidmat nasihat bersama pelanggan, merangkumi penilaian dan pemilihan haiwan sebelum sebarang keputusan bersama dicapai.

Menariknya pelanggan turut berpeluang menyembelih sendiri haiwan dibeli di pusat ternakannya dengan bantuan peralatan

penyembelihan yang lengkap dan mesra alam.

"Dalam merealisasikan hab pembekal daging, selain khidmat penyembelihan, kami turut menawarkan servis memasak juadah dan penghantaran terus ke rumah pelanggan," katanya.

Sebagai nilai tambah, perkhidmatan logistik pengangkutan lori dan 4x4 turut disediakan untuk kemudahan pengguna.

Tidak pernah lupa menunaikan tanggung jawab khidmat sosial kepada mereka yang kurang berkemampuan, beliau berkata, ladangnya turut menyalurkan pemberian daging kambing berserta sumbangan asas kepada badan kebajikan terpilih.

Bersambung di muka 22

Dari muka 21

"Kami turut didatangi individu berhati mulia yang berhasrat untuk bersedekah dan berinfak sumbangan daging kepada golongan asnaf, fakir miskin, ibu tunggal dan warga emas."

"Setidak-tidaknya kami menjadi orang tengah bagi merealisasikan hasrat para dermawan," katanya.

Beliau dibantu dua orang pekerja untuk melancarkan operasi di ladang ternakannya.

Antara tugas dilakukan ialah menyelenggara kandang, membantu proses penyembelihan dan urusan stok dan penghantaran daging.

CARI ILMU

Berbeza dengan gembala lembu tradisional, Muhammad Nurhafiz, berkata dia gemar mengikuti pelbagai kursus atau program berkaitan penjagaan dan pemakanan ternakan, anjuran pihak berwajib.

Katanya, ia berikutan setiap ilmu ditimba tidak sama antara satu sama lain malah lebih banyak ilmu dipelajari membantu dirinya untuk lebih matang dalam dunia penternakan itu.

"Saya suka tekankan aspek pemakanan pelbagai untuk ternakan. Saya beri haiwan makan rumput jenis nappier, hampas soya, palet dan kernel. Kepelbagaian perlu untuk kualiti daging yang baik."



PEMBEKAL SAH

Muhammad Nurhafiz tidak putus-putus melahirkan rasa kesyukuran kerana sejak lebih enam tahun berkecimpung dalam bidang penternakan, dia tidak

MUHAMMAD
Nurhafiz sentiasa berfikir positif dalam memajukan pusat ternakan.



SEBAHAGIAN daripada kambing yang diusahakan oleh Muhammad Nurhafiz.

"Dalam masa sama, penjagaan ternakan dengan kaedah betul dan piawaian ketat yang kami lakukan, turut berperanan besar memastikan ternakan ini mendapat sumber gizi seimbang."

"Ia sekali gus membantu haiwan untuk mencapai tumbesaran yang baik," katanya bersungguh-sungguh.



ANTARA jenis makanan berasaskan daun untuk diberikan kepada haiwan ternakan.



KELUARGA merupakan sumber kekuatan dan inspirasi buat dirinya.

pernah mengalami masalah serius hingga menjejaskan kualiti haiwan ternakannya.

Sebaliknya, dirinya yakin bahawa peka dan cakna dalam aspek pemakanan

dan penjagaan kesihatan haiwan, antara resipi ladang ternakannya terhindar daripada penyakit berbahaya hingga boleh mengancam nyawa ternakan terbabit.

"Saya kira paling mustahak, ialah pada peringkat awal iaitu sewaktu mengambil stok."

"Kami hanya memilih pembekal yang ada sijil kesihatan daripada Jabatan Veterinar yang disahkan," katanya.

KELUARGA DORONG
SEMANGAT

Sokongan isteri Nur Syuhada Semir, 33 tahun dan ahli keluarga mendorong semangat mudanya untuk membangunkan ladang ternakannya itu.

Bapa kepada tiga orang cahaya mata berusia antara tiga hingga enam tahun ini, berkata mereka adalah peniup semangat buat dirinya berusaha lebih keras demi merealisasikan impian menjadi pusat hab utama pembekal daging mentah kambing dan lembu.

Ke mana tumpahnya kuah kalau tak ke nasi. Permata hati Nurhafiz, Aisyah Humairah dan Muhammad Hariz Naufal kini menunjukkan minat terhadap haiwan ternakan.

"Anak saya suka membantu saya di kandang. Saya turut biasakan mereka dengan rutin seperti memberi makanan kambing, membersihkan kandang dan sebagainya. Saya kira sedikit-tidaknya perniagaan ini boleh diwarisi oleh mereka apabila sudah dewasa kelak," katanya.

Muhammad Nurhafiz berkata, selain keluarga, dia turut berpegang teguh kepada keikhlasan, kesyukuran dan keberkatan. Jelasnya, tanpa izin daripada Allah SWT, semuanya tidak boleh diperolehi dalam sekelip mata.

Luahannya itu ada benarnya. Kala negara berselubung pandemik Covid-19, ladang ternakannya turut terjejas apabila kos makanan haiwan ternakan meningkat secara mendadak.

"Permintaan juga berkurangan kerana sebarang majlis tidak dapat dilakukan ketika pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP)."

"Namun saya percaya ada hikmahnya yang Allah SWT akan kurniakan kepada hambanya yang bersabar," katanya mengakhiri pertemuan.

Kerja pembalakan, pertanian dan pembuangan sampah mengganggu pembiakan ikan sungai

Habitat berubah jejas patin muncung

Oleh **ABDUL RASHID
ABDUL RAHMAN**

KUANTAN - Perubahan habitat dan perubahan cuaca menjadi antara faktor utama kurangnya populasi ikan patin muncung yang sudah kira-kira tujuh tahun tidak dapat ditangkap di Sungai Pahang.

Pensyarah Kanan Fakulti Perikanan dan Sains Makanan Universiti Malaysia Terengganu (UMT), Dr. Mohd. Razul Hissam Abd. Aziz berkata, pembalakan, pertanian dan pembuangan sisa atau sampah ke dalam sungai boleh mengganggu habitat ikan sungai.

Jelas beliau, proses pembalakan atau pertanian secara besar-besaran menyebabkan air hujan mengalir secara terus ke dalam sungai yang akan membawa tanah seterusnya menyebabkan sungai menjadi cetek dan menjelaskan aliran arus sungai.

"Bagi tanah pertanian berhampiran sumber air pula, sekiranya baja dan racun perosak digunakan secara tidak tertawal, ia akan mengganggu hidupan akuatik, pengayaan berlebihan akibat baja dan racun perosak ini boleh menyebabkan eutrofikasi (nu-



MOHD. FAZUL HISSAM

trien berlebihan dalam air).

"Sampah organik dari industri dan kawasan yang mempunyai manusia berkepadatan tinggi tetapi mengambil jalan singkat dengan membuang sisa atau kotoran di sumber air tawar juga boleh menyumbang kepada eutrofikasi," katanya kepada Kosmo! di sini semalam.

Pada 31 Ogos lalu, Kosmo! melaporkan ikan patin muncung yang menjadi buruan kerana keenakan isinya kini 'bertamai seperti emas' apabila mencecah harga RM450 sekilogram ekoran spesies itu kian pupus dan sukar didapati di Sungai Pahang.

Rata-rata nelayan dan perniaga hidupan air tawar mendedah-



PATIN muncung kini sukar ditemui dipercayai terjejas akibat faktor pencemaran dan cuaca.

- GAMBAR HIASAN



KERATAN Kosmo! 31 Ogos 2021.

murahan populasi ikan.

Katanya, eutrofikasi atau resapon ekosistem terhadap penam-bahan bahan-bahan tiruan atau asli memberi kesan negatif ter-masuklah boleh menyebabkan

pengurangan oksigen dalam air yang boleh menyebabkan kemati-an hidupan akuatik.

Katanya, sumber air tawar di dunia hanyalah tiga peratus sahaja dan perubahan cuaca serta peningkatan suhu dari tahun ke tahun boleh menyebabkan tekanan kepada stok perikanan.

"Ikan mempunyai kadar toleransi yang agak lemah terhadap peningkatan suhu yang mendadak dan perubahan parameter air secara mendadak. Contohnya oksigen terlarut, suhu, pH dan sebagainya.

"Antara contoh fenomena semula jadi yang berlaku serta boleh mempengaruhi taburan ikan adalah El Niño yang melanda pada 2015 dan 2016," katanya.

Tambahnya, faktor permintaan yang terlalu tinggi terhadap ikan patin muncung juga menyebabkan ia ditangkap tanpa mengira saiz dan kematangan.

"Harga yang mencecah RM450 sekilogram menyebabkan ia dijual tanpa mengira saiz matang, malah peminat patin muncung pula mengatakan isinya yang manis, halus dan enak menyebabkan permintaannya semakin meningkat," ujarnya.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
20/9/2021	SINAR HARIAN	BISNES	37

Johor, Pahang dan Terengganu bakal jadi pengeluar utama susu segar

ISKANDAR PUTERI - Johor, Pahang dan Terengganu bakal menjadi pengeluar utama susu segar negara pada masa akan datang dalam langkah memperluaskan sektor industri berkenaan dengan sokongan Kerajaan Persekutuan.

Menteri Besar Johor, Datuk Hasni Mohammad berkata, perkara terbabit telah dibincangkan ketika pertemuan beliau bersama Menteri Besar Pahang, Datuk Seri Wan Rosdy Wan Ismail dan Menteri Besar Terengganu, Datuk Seri Dr Ahmad Samsuri Mokhtar di Mersing pada Sabtu.

"Ketiga-tiga negeri ini sedia untuk menjalinkan kerjasama menjadi pengeluar susu segar. Perbincangan awal terbabit telah saya maklumkan kepada Menteri

Kewangan, Tengku Datuk Seri Zafrul Tengku Abdul Aziz yang mengadakan lawatan dua hari di negeri sejak semalam.

"Diharapkan permohonan peruntukan untuk Terengganu dan Pahang bagi memperluaskan sektor industri susu segar ini juga dapat diputuskan pada kadar segera agar projek dirancang dapat berjalan," katanya.

Beliau berkata demikian pada sidang akhbar pada sesi penyerahan kunci Projek Perumahan Kampung Pendas Baru Fasa 2 di sini pada Ahad.

Hasni menambah, Johor bakal mempunyai pusat pengeluaran susu segar di Mersing iaitu Jemaluang Dairy Valley yang berkeupayaan mengeluarkan kira-kira 5.1 juta liter susu segar setiap

hari.

Katanya, Jemaluang Dairy Valley yang dibangunkan dengan peruntukan awal sebanyak RM70 juta itu masih dalam lantikan kontraktor dijangka siap pada akhir tahun ini.

Sebelum itu, Sultan Johor Sultan Ibrahim Sultan Iskandar berkenan menerima kunjungan tiga menteri besar terbabit di Mersing pada Sabtu. Pertemuan itu telah dimuat naik dalam Facebook rasmi baginda pada hari yang sama.

Tiga menteri besar terbabit sebelum itu menghadiri Majlis Taklimat Projek Pembangunan Wilayah Ekonomi Pantai Timur (ECERDC) Bersama Menteri Besar-Menteri Besar Wilayah Ekonomi Pantai Timur.



Hasni (tiga dari kiri) menyerahkan kunci rumah kepada penduduk bagi projek penempatan semula perumahan di Kampung Pendas Baru Fasa 2 di Iskandar Puteri pada Ahad.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
20/9/2021	KOSMO	NEGARA	16

Tauke cendawan lulusan sarjana

KOTA TINGGI – Seorang bekas guru bersama isterinya tidak kekok menjadi usahawan cendawan yang diusahakan mereka sejak empat tahun lalu biarpun kedua-duanya memiliki ijazah sarjana dalam bidang matematik gunaan.

Azahari Yahya, 30 berkata, meskipun bidang yang dipelajarinya dan isteri, Nor Aine Anuar, 29, jauh berbeza dengan kerjaya yang diceburi mereka, namun ia bukanlah sesuatu yang rugi.

Katanya, bekerja sendiri bukan sahaja memberi kelebihan untuk mengatur masa sendiri, malah mereka mampu meraih pendapatan antara RM10,000 hingga RM20,000 sebulan.

"Saya sempat bekerja sebagai seorang guru kontrak di sebuah sekolah swasta pada tahun 2016. Idea untuk mengusahakan 'kampung cendawan' ini bermula selepas saya berkahwin. Isteri saya amat gemarkan cendawan dan ketika itu, dia pun tiada pekerjaan.

"Pada tahun 2017, kami pergi mengikuti kursus cendawan dan bermula dengan 200 bongkah cendawan, kami jadi seronok untuk kembangkan lagi kepada 1,000 dan kemudian 5,000 bongkah," katanya ketika ditemui di Felda Bukit Aping Timur di sini



AZAHARI bersama Nor Aine menunjukkan bongkah cendawan yang dijual mereka ketika ditemui di Felda Bukit Aping Timur, Kota Tinggi semalam.

semalam.

Azahari memberitahu, dua buah rumah cendawan yang dimiliki mereka kini mampu memuatkan kira-kira 10,000 bongkah cendawan untuk dijual.

Katanya, pada mulanya, mereka hanya menjual cendawan mentah sebelum mengeluarkan produk hiliran seperti kerepek cendawan, pekasam cendawan

dan cendawan goreng.

"Sekarang kami jual pula bongkah cendawan sehingga sehingga tidak menang tangan untuk menerima tempahan. Kami memasarkan produk menerusi dalam talian.

"Kami juga terpaksa mengambil empat pekerja sambilan bagi membantu proses membuat bongkah cendawan," ujarnya.

Headline	Usaha KPDNHEP berhasil. harga ayam mula turun		
MediaTitle	Utusan Malaysia		
Date	20 Sep 2021	Color	Full Color
Section	Dlm Negeri	Circulation	107,609
Page No	5	Readership	322,827
Language	Malay	ArticleSize	829 cm ²
Journalist	Oleh SHAFIAH SHUKOR	AdValue	RM 33,899
Frequency	Daily	PR Value	RM 101,697



PEGAWAI penguatkuasa KPDNHEP memantau harga barangan dan ayam di sebuah pasar. - GAMBAR HIASAN



PEGAWAI penguatkuasa KPDNHEP melakukan pemeriksaan harga ayam di sebuah pasar basah bagi memastikan peniaga mematuhi harga ditetapkan. - GAMBAR HIASAN

Oleh SHAFIAH SHUKOR
shafiah@utusanmedia.com.my

PETALING JAYA: ketegasan Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) menangani masalah kenaikan harga barangan keperluan khususnya ayam telah membuahkan hasil.

Ia terbukti apabila harga ayam bersih standard di beberapa negeri seperti Perlis, Kedah, Perak, Kelantan dan Kuala Lumpur kini dijual di bawah harga RM10.00 sekilogram.

Di Kuala Lumpur misalnya, pemeriksaan dijalankan pihak Kementerian mendapati hanya pasar awam di Taman Tun Dr. Ismail (TTDI) yang masih menjual ayam pada harga RM10.00 sekilogram, sementara pasar-pasar lain seperti di Pasar Chow Kit kebanyakannya peniaga menjual ayam di bawah RM10.00 sekilogram.

Jelas KPDNHEP, pihaknya memandangkan senarai kenaikan harga barangan keperluan asas pengguna kerana ia memberi impak kepada kos sara hidup rakyat terutamanya dalam fasa pandemik Covid-19.

Menurut Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, Datuk Seri Alexander Nanta Linggi, pihaknya sentiasa memantau harga barangan melalui lebih 1,000 pegawai pemantau harga yang mengutip harga setiap hari di mana trend pergerakan harga diketahui dan tindakan segera diambil ke atas premis yang menjual pada harga tidak munasabah berdasarkan perantaraan itu tanpa menunggu aduan daripada pengguna.

Selain itu katanya, lebih 2,200 pegawai penguatkuasa menjalankan pemeriksaan dan pemantauan setiap hari di seluruh negara agar peniaga di semua peringkat terutama peruncit tidak mencatur harga dan kekal menjalankan perniagaan secara beretika.

"Pemantauan harga runcit pada 10 September 2021 mendapati

Usaha KPDNHEP berhasil, harga ayam mula turun



ALEXANDER NANTA LINGGI

harga purata ayam bersih standard peringkat nasional adalah pada paras RM8.83 sekilogram.

Di Semenanjung, harga purata ayam bersih standard adalah RM8.78 sekilogram dan julat harga jualan adalah antara RM5.99 hingga RM11.00 sekilogram," katanya dalam kenyataan.

Sementara itu, tambahnya, di Sabah, harga purata ayam bersih standard adalah pada RM11.33 sekilogram. Manakala di Sarawak, harga purata ayam bersih standard adalah RM8.56 sekilogram.

Dalam masa yang sama, katanya, pasar-pasar raya besar seperti Tesco atau Lotus, Giant, Mydin dan Econsave masih menawarkan ayam bersih standard pada harga berpatutan.

Alexander berkata, pihaknya telah mengarahkan agar pendekatan baharu diambil bagi menangani masalah kenaikan harga barang terutama harga ayam yang sering berulang.

"Pendekatan baharu itu melibatkan pengeluaran surat pemberitahuan kepada peniaga borong dan runcit untuk



PEGAWAI penguatkuasa KPDNHEP merekodkan harga ayam yang dijual oleh seorang peniaga. - GAMBAR HIASAN

mengadakan libat urus bersama pengeluar dan penternak ayam di lokasi atau lokasi berlakunya kenaikan harga.

"Pendekatan itu bertujuan membolehkan peniaga menyamak harga barang dan kos belian bagi mendapatkan margin untung yang lebih munasabah selain peringatan kepada peniaga ayam supaya tidak menaikkan harga di mana-mana peringkat rantai dan pengedaran sepanjang wadangnya," katanya.

Ujarnya, peniaga di semua peringkat rantai diminta mengekalkan etika yang tinggi dalam menjalankan perniagaan dan membantu kerajaan agar harga

ayam kekal stabil tanpa kenaikan mendadak dan bertetusan.

Alexander berkata, industri dan bekalan ayam dikawal selia oleh Kementerian Pertanian dan Industri Makanan (MAFI) dan KPDNHEP bersedia memainkan peranan berkaitan polisi harga ayam di pasaran.

"Kami tidak bercadang untuk memperkenankan kawalan harga tambahan selain yang telah dilaksanakan ketika musim perayaan besar Malaysia di bawah Skim Harga Maksimum Musim Perayaan (SHMMP)," katanya.

Menurut laporan, kenaikan harga ayam baru-baru ini adalah

disebabkan peningkatan kos bagi bahan-bahan utama makanan ayam sehingga 80 peratus seperti jagung dan soya yang diimport sepenuhnya akibat permintaan yang tinggi terutama dari China dan kesan pertukaran asing.

Langkah kerajaan membuka lebih banyak sektor ekonomi di mana kebanyakan negeri telah beralih ke Fasa 2 dan 3 Pelan Pemulihan Negara (PPN) telah meningkatkan permintaan sedangkan pengeluaran ayam mengambil masa sekitar 32 hari sebelum ia boleh dipasarkan.

Apapun berlaku adalah bersifat sementara dan KPDNHEP meminta pengguna bersabar serta menggunakan hak dalam mencari alternatif yang ada seperti premis premis yang masih menjual pada harga patut.

Pengguna disarankan menggunakan aplikasi Price Catcher untuk mendapatkan maklumat harga dan premis serta membuat perbandingan harga barang keperluan sebelum berbelanja. Pengguna dinasihatkan supaya fleksibel untuk beralih ke premis lain jika premis yang sering mereka berbelanja tidak lagi menjual pada harga yang mematuhi bayat mereka.

Sebagaimana biasa, Kementerian صنعتnya akan mengadakan sesi libat urus bersama pihak industri terutama pengeluar ayam dan mengadakan pihak penternak memberi kerjasama supaya harga ayam tidak dinaikkan secara mendadak dalam julat masa yang singkat bagi mengelak berlaku tekanan harga di peringkat borong dan runcit.

Headline	Pendekatan baharu KPDNHEP berjaya turunkan harga ayam		
MediaTitle	Kosmo		
Date	20 Sep 2021	Color	Full Color
Section	Negara	Circulation	155,996
Page No	7	Readership	467,988
Language	Malay	ArticleSize	834 cm ²
Journalist	RIDZAUDDIN ROSLAN	AdValue	RM 21,644
Frequency	Daily	PR Value	RM 64,932



PEGAWAI penguat kuasa sentiasa membuat pemantauan bagi memeriksa harga ayam di pasaran agar tidak membebankan pengguna.



PENGUNA perlu bijak memilih premis yang menawarkan barangan dan bahan mentah pada harga yang telah dikawal oleh kerajaan.

Pendekatan baharu KPDNHEP berjaya turunkan harga ayam



Diekh RIDZAUDDIN ROSLAN

PETALING JAYA – Beberapa pendekatan baharu yang diambil Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) dalam menangani isu kenaikan harga ayam dilihat mula membuahkan hasil.

Kejayaan itu dapat diterjemahkan apabila harga ayam bersih standard di beberapa negeri seperti Perlis, Kedah, Perak, Kelantan dan Kuala Lumpur kini dijual di bawah harga RM10 sekilogram (kg).

Dalam pada itu, pemeriksaan dilakukan penguat kuasa KPDNHEP di beberapa pasar sekitar ibu negara turut mendapati hanya pasar ayam di Taman Tun Dr. Ismail, Kuala Lumpur menjual ternakan itu dengan harga melebihi RM10 sekilogram, manakala lokasi lain di bawah paras itu.

Menurut Menteri KPDNHEP, Datuk Seri Alexander Nanta Linggi, pihaknya sentiasa mengambil maklum suara orang ramai berhubung kenaikan itu berikutan dilihat memberi impak kepada kos sara hidup terutamanya dalam suasana Covid-19.



ALEXANDER

"Kami mengambil beberapa pendekatan untuk menstabilkan semula harga ayam antaranya mengeluarkan surat pemberitahuan kepada peniaga peringkat borong serta runcit untuk menjalankan libat urus bersama pengeluar dan penternak ayam di lokasi berlaku kenaikan.

"Usaha itu membolehkan peniaga menyemak harga barang dan kos belian bagi mendapatkan margin untung lebih munasabah serta memberi peringatan supaya tidak menaikkan harga di peringkat pengedaran sesuka hati," katanya.

Pada masa sama, KPDNHEP sentiasa memantau harga barangan menerusi 1,000 Pegawai Pemantau Harga yang berperanan mengutip harga setiap hari dan tindakan segera akan diambil kepada premis mengenakan harga tidak munasabah.

Alexander berkata, seramai 2,200 pegawai penguat kuasa turut menjalankan pemeriksaan dan pemantauan setiap hari di seluruh negara agar peniaga di semua peringkat terutama peruncit tidak mencatat harga



PEGAWAI Pemantau Harga memantau harga barangan setiap hari di premis perniagaan di seluruh negara.

serta lebih beretika.

Berdasarkan pemeriksaan itu, harga runcit pada 10 September 2021 mendapati, harga purata ayam bersih standard peringkat nasional adalah pada paras RM8.83 sekilogram.

Di Semenanjung pula, harga purata ayam bersih standard adalah RM8.78 sekilogram dan julat harga jualan adalah antara RM5.99 hingga RM11 sekilogram," ujarnya.

Di Sabah pula, katanya, harga purata ayam bersih standard adalah pada RM11.33 sekilogram, manakala di Sarawak, harga purata ayam bersih standard adalah RM8.56 sekilogram.

Bagaimanapun, beberapa pasar raya besar seperti Tesco,

Lotus, Mydin dan Econsave masih menawarkan harga ayam pada kadar berpatutan serta disifatkan tidak membebankan pengguna khususnya golongan B4Q.

"Jadi, KPDNHEP meminta agar semua peniaga di peringkat rantian mengekalkan etika yang tinggi dalam menjalankan perniagaan seterusnya membantu kerajaan agar harga ayam kekal stabil tanpa kenaikan mendadak," jelasnya.

Dalam perkembangan lain, Alexander menjelaskan, KPDNHEP akan mengadakan perbincangan bertentangan dengan Kementerian Pertanian dan Industri Makanan (MAFI) dalam menastikan faktor hulu seperti derak ayam

diimport yang mempengaruhi harga ayam diminimumkan.

"Kementerian juga tidak bercadang memperkenalkan kawalan harga tambahan selain yang dilaksanakan ketika musim perayaan besar di bawah Skim Harga Maksimum Musim Perayaan (SHMMP).

"Bagaimanapun, KPDNHEP tidak teragak-agak untuk melaksanakan kawalan harga jika ia terus meningkat di luar kawalan atau terdapatnya kartel yang memanipulasi harga di semua peringkat rantian," jelasnya.

Menurut laporan, kenaikan harga ayam sebelum ini disebabkan peningkatan kos bagi bahan-bahan utama makanan ayam sehingga 80 peratus seperti jagung dan soya yang diimport sepenuhnya akibat permintaan tinggi terutama dari negeri China dan kesan per (ukuran asing.

Susulan itu, pengguna diminta bersabar dengan situasi tersebut berikutan ia harga bersifat sementara selain perlu lebih bijak untuk membeli ayam di premis yang menawarkan harga murah serta berpatutan.

Pengguna juga disarankan menggunakan Aplikasi Price CATCHER untuk mendapatkan maklumat harga dan premis serta membuat perbandingan harga barang keperluan sebelum membelanjanya.

Dalam pada itu, orang ramai juga dinasihatkan supaya lebih fleksibel untuk beralih ke kedai lain jika premis yang sering mereka berbelanja tidak lagi menjual pada harga yang menepati bajet mereka.

Headline	INISIATIF HASIL GRADUAN HOLISTIK		
MediaTitle	Harian Metro		
Date	20 Sep 2021	Color	Full Color
Section	Supplement	Circulation	112,705
Page No	A34,A35	Readership	338,115
Language	Malay	ArticleSize	1359 cm ²
Journalist	Suliat Asri	AdValue	RM 53,536
Frequency	Daily	PR Value	RM 160,609



AKADEMIA

FOKUS

Oleh Suliat Asri
suliat@metromy.com.my

Keusahawanan bukanlah bidang baharu dalam kalangan mahasiswa di institusi pengajian tinggi (IPT).

Malah sesetengah universiti menjadikannya sebagai kursus wajib yang harus diambil mahasiswa bagi melengkapkan pengajian.

Lonjakan pertama dalam Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (PPPM) 2015-2025 (Pendidikan Tinggi) menekankan mengenai penghasilan graduan holistik yang bercirikan keusahawanan dan seimbang, bagi mendepani alam pekerjaan pada masa akan datang.

Sering dengan peningkatan kadar pengangguran dalam kalangan graduan pada masa kini dan berlandaskan lonjakan pertama terbabit, Pusat Kokurikulum Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI) mengambil langkah proaktif dengan menawarkan kursus berkredit di bawah kategori Mata pelajaran Pengajian Umum (MPU4) yang bercirikan keperluan semasa untuk tujuan kebolehpasaran graduan.

Antara kursus terbaru yang akan ditawarkan kepada mahasiswa adalah kursus penternakan lebah kelulut.

Menyedari potensi dan peluang yang ada dalam industri lebah kelulut, UPSI menawarkan kursus penternakan kelulut kepada mahasiswa sebagai kursus kokurikulum berkredit di bawah komponen Persatuan, Kelab dan Kebudayaan.

Pengarah Pusat Kokurikulum UPSI Dr Mazuki Mohd Yasim berkata, kursus ini akan dilaksanakan di UPSI Adventure Park (UAP) yang terletak di dalam

Kampus Sultan Abdul Jalil Shah.

"Pemilihan UAP sebagai lokasi amali bagi tujuan ternakan adalah berdasarkan kedudukannya yang sesuai bagi habitat lebah kelulut dan berhampiran dengan hutan di kaki Banjaran Titiwangsa."

"Selain itu, penternakan lebah kelulut ini akan dijadikan sebagai produk edupelancongan di UAP dan memberikan penerang kepada pelawat UAP untuk belajar mengenai kelulut secara lebih dekat," katanya.

Dr Mazuki berkata, kursus yang dijalankan itu akan membabitkan sesi kuliah dan amali selama 14 minggu.

"Melalui kursus ini mahasiswa akan didedahkan dengan kaedah penternakan dan penjagaan lebah kelulut yang lestari alam serta menerapkan aspek keusahawanan sebagai persediaan menceburi diri sebagai usahawan madu lebah kelulut."

"Pendekatan secara teori dan amali juga dipercayai akan memberikan pemahaman dan impak yang lebih baik kepada mereka," katanya.

"Melalui sesi teori kursus ini pula akan mendedahkan mengenai taksonomi dan biologi lebah kelulut, survival dan ancaman kelulut, khasiat dan produk-produk dari lebah kelulut," tambahnya.

Sementara secara praktikal pula mahasiswa akan didedahkan dengan pembuatan dan penggunaan hive, pengandaan koloni, membina perangkap kelulut, pemindahan kelulut dari perangkap ke hive, kaedah penuaian madu dan akhirnya pembuatan produk hiliran dari hasil kelulut.

Kelestarian alam sekitar menjadi keutamaan dalam pelaksanaan kursus ini yang mana tiada penebangan pokok dilakukan bagi mendapatkan sarang induk lebah kelulut.

Akhir sekali, mahasiswa akan diberikan penekanan

INISIATIF HASIL GRADUAN HOLISTIK

UPSI orak langkah tawar kursus berkredit di bawah kategori MPU4 kursus penternakan lebah kelulut

Headline	INISIATIF HASIL GRADUAN HOLISTIK		
MediaTitle	Harian Metro		
Date	20 Sep 2021	Color	Full Color
Section	Supplement	Circulation	112,705
Page No	A34,A35	Readership	338,115
Language	Malay	ArticleSize	1359 cm ²
Journalist	Suliat Asri	AdValue	RM 53,536
Frequency	Daily	PR Value	RM 160,609

berkaitan dengan penyediaan proposal peniagaan melalui penternakan kelulut jika ingin diusahakan secara skala besar.

Pembahitan mahasiswa dalam industri penternakan kelulut kata Dr Mazuki, akan membuka peluang lebih banyak kajian dan inovasi dilaksanakan ke atas produk serta hasil kelulut supaya dapat memberikan manfaat kepada masyarakat.

Lebih membanggakan, setakat ini tiada lagi mata mana universiti memperkenalkan kursus penternakan lebah kelulut sebagai kursus kurikulum pilihan di peringkat diploma ataupun ijazah sarjana muda.

"Kursus penternakan kelulut yang ditawarkan sebelum ini hanyalah bersifat jangka pendek iaitu selama tiga hari dan ditawarkan individu, institusi pendidikan, jabatan Pertanian dan Institut Penyelidikan dan Kemajuan

Pertanian Malaysia (Mardi).

"Oleh itu, UPSI akan menjadi perintis kepada pelaksanaan kursus penternakan lebah kelulut secara berkredit yang dilaksanakan secara lebih berstruktur," katanya.

"Diharap melalui penawaran kursus ini akan memberikan peluang kepada mahasiswa untuk menjadikan penternakan kelulut sebagai alternatif kepada peluang pekerjaan di masa hadapan sebagai usahawan lebah kelulut," tambahnya.

Sementara itu, Pensyarah Jabatan Pengajian Kemasyarakatan dan Kewarganegaraan (JPKK) Mohd Syarifudin Abdullah berkata, kini industri lebah kelulut mempunyai potensi besar dalam menjadikan Malaysia sebagai pembekal utama dalam pasaran madu lebah dunia.

Menurutnya, secara umumnya produk daripada penternakan lebah kelulut bukan hanya terumpu

kepada madu semata-mata, sebaliknya ia turut menghasilkan propolis dan 'bee breed' hec pollen' (turi lebah).

"Gabungan daripada madu, propolis dan 'bee breed' boleh menghasilkan pelbagai produk yang mana ia juga turut dikenali sebagai 'produk hiliran' dan turut memberikan manfaat kepada pengguna.

"Antara produk hiliran lebah kelulut adalah sabun madu, syampu madu, balm propolis, propolis oil, minuman kopi kelulut, minyak angin, makanan tenaga, 'food bar', madu sachet, air madu, pembersih muka, gel serum dan sebagainya," katanya.

Kata Syarifudin, madu yang dihasilkan kelulut adalah produk utama kelulut sementara 'bee breed' pula produk hasil daripada sari bunga yang dipungut daripada bunga-bunga yang turut mempunyai manfaat besar kepada manusia.

"Manakala propolis adalah hasil daripada getah atau damar yang diambil kelulut daripada resin pokok yang digunakan untuk membina 'rumah' mereka di dalam log atau sarang kelulut," katanya.

Propolis digunakan kelulut untuk membina 'rumah' dan juga sebagai kantung madu dan kantung 'bee breed'.

Oleh itu, kata



RUMAH yang menempatkan sarang kelulut yang diusahakan pelajar.



PROSES log burok masuk hive.

Syariefudin antara khasiat yang penting selain madu adalah 'bee breed' kelulut manakala propolis pula amat tinggi kandungan anti bakteria yang boleh dimanfaatkan.

"Antara yang kita boleh banggakan adalah pengiktirafan oleh Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani yang mengiktiraf madu kelulut sebagai Super Food Malaysia.

"Sementara itu, kajian dilakukan Mardi turut mendapati madu kelulut mempunyai khasiat empat

kali ganda antioksidan berbanding lebah biasa dan menghasilkan asid fenolik amat berguna kepada badan manusia," katanya.

Syariefudin mengakui permintaan madu lebah kelulut bagi pasaran dalam negara sangat tinggi dan ini adalah peluang yang tidak seharusnya dilepaskan oleh graduan.

"Jika diusahakan secara komersial, industri ini mampu menjana pendapatan yang lumayan sama ada secara sepenuh masa ataupun sambilan," katanya.



Melalui kursus ini mahasiswa akan didedahkan dengan kaedah penternakan dan penjagaan lebah kelulut yang lestari alam serta menerapkan aspek keusahawanan sebagai persediaan menceburkan diri sebagai usahawan madu lebah kelulut

DR MAZUKI



MAHASISWA bersama madu dan produk hiliran balm kelulut.



19 SEP, 2021

MOF perhalusi kaedah stabilkan harga ayam

Mingguan Sarawak, Malaysia

Page 1 of 2

MOF perhalusi kaedah stabilkan harga ayam



2 PELAJAR latihan industri Universiti Malaysia Terengganu (UMT) Balduri Rashid, 22, mengambil suhu ketika proses pensenyawaan telur ikan kelah ketika lawatan Jelajah Sempena Penyediaan Bajet 2022 di ternakan ikan kelah bertempat di Asuko Genius Sdn Bhd Kulai Johor semalam. • Foto BERNAMA



TENGKU Datuk Seri Zafrul Tengku Abdul Aziz (tengah) bersama Pengarah Urusan Asuko Sdn Bhd Datuk Mohd Jafri Md Shukor (kiri) melihat proses pensenyawaan telur ikan ketika hadir lawatan Jelajah Sempena Penyediaan Bajet 2022 di ternakan ikan kelah Asuko Genius Sdn Bhd Kulai Johor semalam. Turut hadir Pengerusi Jawatankuasa Pertanian, Industri Asas Tani & Kemajuan Luar Bandar Negeri Johor Datuk Samsolbari Jamali. • Foto BERNAMA

KULAI: Kementerian Kewangan (MOF) akan memperhalusi kaedah menstabilkan harga ayam yang kini sedang meningkat naik agar ia dapat memberikan impak terbaik kepada pengguna dan penternak ayam di seluruh negara.

Menteri Kewangan Tengku Datuk Seri Zafrul Tengku Abdul Aziz berkata, usaha itu akan dijalankan bersama Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) dan Kementerian Pertanian dan Industri Makanan (MAF).

"Kerajaan sedar akan isu harga ayam yang meningkat naik bagaimanapun segala keputusan dibuat perlu melihat dari segi impak kepada penternak dan semua pihak terlibat serta industri lain di dalam rantai

dan bekalan makanan, khususnya impak kepada pengguna, itu keutamaan kerajaan.

"Saya juga ditahankan MAF menjangkakan kenaikan harga ayam ini hanya sementara akibat ketidakpastian permintaan pasaran, susulan pembukaan semula beberapa sektor ekonomi," katanya kepada pemberita selepas melawat Pusat Ternakan Kelah Asuko Genius Sdn Bhd di sini semalam.

Sementara itu, beliau berkata, pemberian subsidi kepada pengusaha dan penternak ayam akan dibincangkan terlebih dahulu dan buat waktu ini masih belum ada keputusan berhubung perkara tersebut.

Pada 11 September, Timbalan Menteri KPDNHEP Datuk

Rosal Wahid dilaporkan akan mengemukakan cadangan kepada MOF untuk memberi subsidi kepada pengusaha ladang ayam di negara ini sebagai langkah mengawal kenaikan harga ayam.

Rosal dipetik sebagai berkata kenaikan harga ayam ketika ini dilaporkan berpunca daripada peningkatan harga komponen makanan ayam iaitu soya dan jagung yang diimport sepenuhnya, dan memberi kesan kepada penternak ayam tempatan.

Dalam perkembangan lain, Tengku Zafrul berkata, Belanjawan 2022 dijangka lebih memberi perhatian kepada perkembangan industri pertanian dan penternakan kerana berdasar-

kan potensi sedia ada dan mamlat untuk memperkasa inisiatif jaminan makanan atau 'food security'.

"Jaminan makanan dilihat antara elemen yang dipertingkatkan dalam Pakej Rangsangan dan juga Belanjawan 2021. Kali ini ia akan tetap diberi keutamaan bagi membina asas untuk penambahbaikan agar kita tidak terlalu bergantung kepada sumber makanan import pada jangka panjang," katanya.

Tengku Zafrul berkata, atmanitif untuk menaikkan industri pertanian itu juga dilihat sebagai kesinambungan belanjawan tahun lalu, selain peruntukan yang telah dibelanjakan.

"Secara keseluruhannya, melalui pakej-pakej rangsangan

dan bajet 2021 sebanyak RM3.15 bilion diperuntukan untuk sektor pertanian dan sebanyak RM1.75 bilion telah berjaya disalurkan kepada peladang, penternak dan nelayan untuk projek-projek berkaitan pertanian.

"Projek-projek telah dilaksanakan termasuk yang berkaitan logistik semasa Perintah Kawalan Pergerakan (PKP), kemudahan mikro kredit di bawah Agribank dan projek-projek negeri termasuk di negeri Johor," katanya.

Terdahulu, sempena lawatan baiknakan Tengku Zafrul menzahirkan keterujaannya melihat potensi sedia ada negeri Johor dalam menaikkan industri pertanian sebagai industri utama janaan ekonomi negara. • Bernama



19 SEP, 2021

MOF perhalusi kaedah stabilkan harga ayam

Mingguan Sarawak, Malaysia

Page 2 of 2

SUMMARIES

MOF perhalusi kaedah stabilkan harga ayam Bernama 2 PELAJAR latihⁿ industri Universiti Malaysia Terengganu (UMT) Baiduri ^ Rashid, 22, mengambil ^uhu ketika proses pensenyawaan telur ikanTi X kelah ketika lawatan Jelajah Sempena Penyediaan Bajet 20221^ KULAI: di ternakan ikan kelah bertempat di Asukcf Kemen- Genius Sdn Bhd Kulai Johor semalam? ^ e r i a n Foto BERNAMA^ K e w a n g a n -- ~n n (MOF) akan memperhalusi kaedah menstabilkan harga ayam yang kini sedang meningkat naik agar ia dap...

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
20/9/2021	UTUSAN TV	ONLINE	

Bagaimana TVET dan pertanian kita dipintas Vietnam?

Penulis bersama rakan-rakan Australia memberi taklimat kepada Menteri Perindustrian dan Perdagangan Antarabangsa Vietnam ketika meninjau projek perintis pertanian moden di Kun Tom, Vietnam pada tahun 2016.

Minggu lalu, penulis menerima mesej daripada sahabat lama dari Australia yang memberitahu misi latihan kemahiran dan pengeluaran sayur-sayuran serta buah-buahan di Vietnam berjalan dengan jayanya.

Beliau menunjukkan gambar-gambar ladang sayuran berteknologi tinggi di Vietnam yang bukan hanya membekalkan keperluan tempatan, bahkan dieksport ke Australia dengan kuantiti besar.

Kejayaan dua dalam satu (2 dalam 1) ini telah menyentuh perasaan penulis kerana suatu masa dulu iaitu sekitar tahun 2016, penulis pernah bersama mereka menyertai misi kerajaan Australia menjalinkan kerjasama pendidikan dan pertanian di rantau ASEAN.

Malaysia adalah antara negara yang menjadi sasaran kerajaan mereka melalui sistem dagangan dua hala. Setelah mengkaji dan melihat sendiri pencapaian penulis dalam bidang vokasional dan pertanian di Malaysia, Leon Bignell, Menteri pertanian Australia Selatan datang ke Kuala Lumpur pada tahun 2016 untuk menyaksikan majlis menandatangani perjanjian kerjasama antara institusi latihan kemahiran pertanian Australia dan penulis.

Oleh kerana penulis mempunyai pengalaman melatih tenaga pengajar vokasional Vietnam pada tahun 2014 di Malaysia, maka pihak Australia juga mempelawa penulis untuk bergabung dengan syarikat-syarikat berkaitan untuk menjayakan misi mereka bagi membangunkan kemahiran pertanian moden di Vietnam.

Penulis berada di Vietnam selama seminggu dengan melawat beberapa wilayah seperti di Kon Tum. Kawasan tanah tinggi tersebut sangat sesuai untuk dijadikan projek tanaman sayur-sayuran berteknologi tinggi. Penulis turut berkongsi pengalaman dengan kolej-kolej vokasional di wilayah berkenaan dalam usaha mempertingkatkan kerjasama antara semua pihak.

Dalam satu pertemuan yang dihadiri oleh Menteri Perdagangan Antarabangsa Vietnam pada masa itu, beliau menyatakan penghargaan di atas usahasama melatih guru-guru vokasional mereka. Namun katanya, langkah selanjutnya ialah menawarkan pula kerjasama baru yang lebih terkehadapan iaitu peluang pelaburan mewujudkan industri pertanian moden di Vietnam.

Memandangkan penulis sedang berusaha mewujudkan dua perkara yang sama di Malaysia ketika itu, maka penulis harus berhati-hati supaya syarikat-syarikat pertanian Australia ini memberi tumpuan terlebih dahulu kepada perancangan TVET dan penubuhan syarikat tanaman sayuran dan buah-buahan berteknologi tinggi di Malaysia.

Menyedari langkah drastik kerajaan Vietnam ketika itu, penulis dapat merasakan bagaimana suatu hari nanti mereka akan memintas Malaysia dalam daya saing antarabangsa pada masa depan, maka penulis mempercepatkan usaha mengenal pasti tanah pertanian di Malaysia untuk dijadikan sebagai

kompleks pertanian yang merangkumi aktiviti pendidikan, perladangan dan pembangunan usahawan (tanaman komersil) bertaraf antarabangsa.

Setelah berjumpa dengan Menteri Besar Perak dan Setiausaha Kerajaan Negeri Perak pada penghujung tahun 2016 di PWTC, Kuala Lumpur, penulis diluluskan pajakan tanah milik Perbadanan Pembangunan Pertanian Negeri Perak (SADC) pada tahun 2017 untuk tempoh sekurang-kurangnya 30 tahun.

Setelah itu, penulis meneruskan gerak kerja untuk menjemput pusat latihan pertanian swasta di Australia serta syarikat pengeluar sayuran yang berjenama dan kukuh di Australia untuk melihat sendiri potensi tanah pajakan berkenaan iaitu di Sungai Galah, Tanjung Tualang, Perak sebanyak beberapa kali.

Malangnya, sikap acuh-tidak acuh SADC yang gagal menandatangani perjanjian pajakan tanah tersebut menyebabkan hasrat tersebut tertangguh. Lebih memalukan penulis apabila terpaksa memaklumkan kepada mereka bahawa tanah tersebut telah dirampas semula tanpa sebab.

Namun semakan penulis baru-baru ini mendapati tanah berkenaan telah diserahkan seratus-peratus kepada tauke yang menjadi kroni pihak tertentu. Penulis tidak hairan kerana plot rampasan tersebut memang sudah dirancang.

Memang pelik bagaimana tauke-tauke sama yang turut menjadi subjek dalam affidavit perbicaraan di mahkamah tinggi Ipoh tidak lama lagi itu, diberikan kelulusan pajakan baru dengan hanya menukar syarikat baru (salin kulit)?.

Kali terakhir, syarikat Australia berkenaan datang ke Kampung Gajah adalah pada tahun 2018, dengan harapan kerajaan baru Pakatan Harapan akan menyelesaikan perjanjian pajakan berkenaan dengan penulis.

Tanpa perlu mengulangi rasa malu kepada pihak di Australia, penulis melupakan hasrat untuk melihat sebuah institusi TVET dan penubuhan cawangan syarikat pengeluaran sayur-sayuran moden Australia di Malaysia selepas itu.

Sehinggalah baru-baru ini, apabila penulis dilaporkan tentang prestasi cemerlang mereka di Vietnam, penulis berasa sebak kerana kejayaan itu sepatutnya dikecapi di Malaysia pada hari ini.

Memandangkan penulis sudah hampir 30 tahun menceburi TVET dan pertanian, penulis dapat merasakan di manakah kedudukan kita hari ini dan masa depan dalam senarai saingan antarabangsa?

Jika 10 tahun yang lalu, mereka sanggup datang ke Malaysia untuk belajar dengan kemajuan kita, kini kedudukan kita jauh di belakang dengan mereka.

Dalam satu kajian yang pernah dibuat oleh pakar perunding antarabangsa iaitu Boston Consultant Group (BCG), kedudukan TVET Vietnam pada tahun 2005-2011 yang melibatkan 45 buah negara di dunia (termasuk yang berstatus negara maju), menunjukkan mereka berada di kedudukan maju dan pesat berkembang berbanding Malaysia.

Pertubuhan Pendidikan Antarabangsa (UNESCO) telah memperakukan kemajuan TVET Vietnam yang begitu drastik dan kepantasan pembangunan pendidikannya di anggap sebagai antara yang terbaik di rantau Asean.

Kadar kemasukan persekolahan rakyatnya pula difahamkan mencecah 99 peratus. Pihak UNESCO turut mengaitkan KDNK Vietnam yang mampu mencecah 6.6 peratus setahun serta kadar pengangguran di bawah 2.5 peratus adalah juga hasil penekanan kejayaan sistem TVET mereka.

Melalui keterbukaan polisi ekonomi di Vietnam, penulis yakin satu gelombang baru dalam industri pertanian bertaraf dunia sedang mula berlaku di Vietnam.

Ramai di kalangan kita yang tidak tahu bahawa ada di kalangan pelarian Vietnam ketika perang tahun 1980an, kini menjadi warganegara Australia yang kaya-raya. Mereka inilah juga kini kembali melabur di Vietnam.

Ini termasuklah sahabat penulis yang berhasrat untuk berkongsi kepakaran dengan Malaysia kerana menghargai jasa Malaysia menyelamatkan mereka sebagai pelarian hanyut di Pulau Bidong, Terengganu 40 tahun lalu. Pendapatan tahunan syarikat pertanian mereka mencecah RM 180 juta setahun di Australia.

Pelbagai inisiatif dan insentif yang disediakan kerajaan Vietnam, usaha mereka membangunkan TVET dan industri ekonomi berasaskan kemahiran TVET juga dapat dipercepatkan dalam masa yang singkat.

Oleh itu, kita sewajibnya belajar daripada peristiwa ini. Akibat kecelaruan politik, dasar negara yang tidak jelas dan sikap tidak kisah kita, apakah kita mahu terus tertinggal di belakang sehingga kita menjadi negara yang dipandang rendah suatu masa nanti?

Penulis terus mengikuti perkembangan sahabat-sahabat di Vietnam dengan rasa bangga terhadap kejayaan mereka ketika ini tetapi jauh di sudut hati berasa sedih dengan masa depan negara kita sendiri.

Namun penulis masih menaruh harapan agar suatu hari nanti, impian tersebut akan menjadi kenyataan. Antara mesej penulis kepada sahabat tersebut baru-baru ini adalah seperti berikut:

" Saya amat berbangga dengan pencapaian kalian di Vietnam tetapi saya mengimpikan kejayaan yang sama di Malaysia bersama kalian pada masa depan".

***Penulis adalah Pengerusi Eksekutif Institut Agro Usahawan (IGROW) dan Aktivis Ekonomi Sosial. Artikel ini adalah pandangan peribadi penulis dan tidak semestinya mencerminkan pendirian UtusanTV.**

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
20/9/2021	TV3	BULETIN TERKINI 1.30 & BULETIN PAGI 9.30	

MOF Cari Kaedah Terbaik Stabilkan Harga Ayam

